



MEMBUDAYAKAN INTEGRITI MASYARAKAT MALAYSIA
Enculturation of Integrity In Malaysian Society

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY
ANNUAL REPORT 2010



Kandungan *Contents*

Notis Mesyuarat Agung Tahunan <i>Notice of Annual General Meeting</i>	2
Ikrar Integriti Malaysia <i>Malaysia's Integrity Pledge</i>	3
Perutusan Pengerusi <i>Message from the Chairman</i>	4
Laporan Presiden <i>President's Report</i>	6
Maklumat Korporat <i>Corporate Information</i>	9
Laporan Aktiviti 2010 <i>Report on Activities for 2010</i>	23
Bahagian Khidmat Pengurusan <i>Management Services Division</i>	90
Kemudahan di Institut Integriti Malaysia <i>Facilities at the Malaysian Institute of Integrity</i>	94
Laporan dan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2010 <i>Reports and Financial Statements for The Financial Year Ended 31 December 2010</i>	97
	121

"Membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia"
"Enculturation of Integrity in Malaysian Society"

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Notice of Annual General Meeting

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bawa Mesyuarat Agung Tahunan Institut Integriti Malaysia yang ketujuh akan diadakan di Auditorium Integriti, Aras 2, Menara Integriti, Persiaran Duta, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia, pada hari Jumaat, 20 Mei 2011 jam 5.00 petang bagi tujuan-tujuan berikut:-

AGENDA

- Untuk membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Institut Integriti Malaysia yang keenam yang telah diadakan pada 4 Jun 2010.
- Untuk menerima dan meluluskan laporan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2010 bersama dengan Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit.
- Untuk meluluskan pembayaran eluan Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2010.
- Untuk melantik semula Y.Bhg Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim, Lembaga Pengarah yang akan bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 dan oleh kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dilantik semula.
- Untuk melantik semula Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) sebagai Juruaudit Institut dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran khidmat mereka.
- Untuk melaksanakan lain-lain urusan.

Dengan Perintah Lembaga,

NOTICE IS HEREBY GIVEN the Seventh Annual General Meeting of **Institut Integriti Malaysia** will be held at Auditorium Integriti, Level 2, Menara Integriti, Persiaran Duta, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia, on 20 May 2011 at 5.00 p.m for the following purposes:-

AGENDA

- To present and approve minutes of the Sixth Annual General Meeting of Institut Integriti Malaysia which was held on 4 June 2010.*
- To accept and adopt the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2010 together with the Reports of the Directors and Auditors.*
- To approve the payment of Directors' allowances for the financial year ended 31 December 2010.*
- To re-elect Y.Bhg Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim, the Director who retires in accordance with Section 129 of Companies Act, 1965 and being eligible, offer himself for re-election.*
- To re-appoint Messrs. Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration.*
- To transact any other business.*

By Order of the Board,

NORLIANA BINTI ALI AKBAR
(MIA No:31905)
Setiausaha Syarikat
Kuala Lumpur
15 Mac 2011

NORLIANA BINTI ALI AKBAR
(MIA No:31905)
Company Secretary
Kuala Lumpur
15 March 2011

Ikrar Integriti Malaysia

Malaysia's Integrity Pledge



Kami, rakyat Malaysia yang merdeka dan berwawasan, dengan tulus dan suci hati berikrar, memantap dan memperkuuhkan maruah dan Integriti kami, keluarga dan masyarakat, agama, bangsa dan negara kami.

Ke arah itu, kami berikrar:

- Mematuhi sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang;
- Mematuhi dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- Mempertingkatkan integriti dengan mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika;
- Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk mencegah sebarang perlakuan jenayah, salah laku dan perbuatan tidak berintegriti;
- Menyokong dan bekerjasama bagi mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menggugat integriti masyarakat dan negara; dan
- Membudayakan integriti sebagai amalan hidup harian secara individu dan berpasukan.

We, the free and visionary citizens of Malaysia, do sincerely and in good faith, pledge to remain steadfast to and strengthen the integrity and the dignity of ourselves, family, society, religion, race and nation.

Towards that, we pledge:

- To fully obey the Federal Constitution and laws;*
- To fully obey and practice the principles of the Rukun Negara;*
- To boost integrity by applying pure and ethical values;*
- To cooperate fully with any party towards preventing criminal acts, misconduct and acts without integrity;*
- To support and cooperate in taking firm action against those who threaten the integrity of society and the nation; and*
- To inculcate integrity as a way of life individually and collectively.*

Perutusan Pengerusi

Message from the Chairman

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada 23 April 2004 telah menjangkau usia 7 tahun. Pada masa ini, Institut Integriti Malaysia (IIM) sedang berada di dalam fasa 5-tahun kedua pelaksanaan PIN, iaitu dari tahun 2009 hingga 2013. Rakyat, pada umumnya, semakin menyedari akan pentingnya mewujudkan sebuah masyarakat yang berintegriti dan ini adalah petanda bahawa Agenda Integriti Nasional semakin difahami serta mendapat sokongan yang kian meluas.

Tekad Integriti yang menggembung usaha ke arah memerangi rasuah, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam, memperkasa tadbir urus dan etika perniagaan, memantapkan institusi keluarga dan masyarakat, serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat telah berjaya meningkatkan kesedaran rakyat keseluruhannya. Oleh yang demikian, IIM akan meneruskan perkongsian strategik dengan pelbagai pihak bagi memastikan Agenda Integriti Nasional akan benar-benar memberi manfaat dan kebaikan kepada rakyat dan negara.

Pelan Integriti Nasional digerakkan seiring dengan aspirasi rakyat yang ingin melihat sektor awam di pelbagai peringkat, serta sektor-sektor lain, memberikan perkhidmatan yang terbaik. Rakyat sentiasa mengharapkan kebijakan dan kepentingan mereka diberikan perhatian. Justeru, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan tumpuan kepada kebijakan dan kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Saya berpendapat kejayaan pelbagai inisiatif sama ada di sektor awam atau sektor-sektor lain akan lebih bermakna jika prinsip nilai-nilai murni, etika dan integriti terus menjadi tunjang dan landasan dalam setiap perancangan sesuatu inisiatif.

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh and Greetings**

The National Integrity Plan (NIP) which was launched on 23 April, 2004 has reached its seventh year. At this point of time, the Malaysian Institute of Integrity (IIM) is in the second five-year phase in the implementation of NIP, that is from 2009 to 2013. The nation is generally becoming more aware about the importance of creating a society of integrity and this is an indication that the National Integrity Agenda is being understood and gaining a wider base of support.

The Integrity Targets (Tekad Integriti) which galvanizes efforts towards combating corruption, improving public service delivery system, enhancing governance and business ethics, strengthening the family institution and society as well as improving the quality of life and welfare of society, has successfully raised the nation's awareness on the whole. Therefore, IIM will continue strategic partnerships with various parties to ensure the National Integrity Agenda will truly benefit the nation and country.

The National Integrity Plan is mobilized according to the aspirations of the nation who wants to see the various levels of public sector and other sectors offer their best services. The nation always wants their welfare and interest to be given due attention. Hence, various initiatives that are and will be implemented by the government will continue to pay attention to all aspects of the public service delivery system, giving priority to the welfare and well-being of the whole nation. In my opinion, the successes of these initiatives, whether in the public sector or in other sectors will be meaningful if good values and principles, ethics and integrity become the anchor and basis for all its planning and implementation.

Rakyat, pada umumnya, semakin menyedari akan pentingnya mewujudkan sebuah masyarakat yang berintegriti..

The nation is generally becoming more aware about the importance of creating a society of integrity...

Saya yakin, berdasarkan senario serta kestabilan yang wujud di Malaysia, akan memberi peluang dan ruang kepada semua pihak untuk membantu memperkasa dan membudayakan agenda integriti kepada semua lapisan masyarakat dengan lebih terancang dan berkesan. Kerjasama dan komitmen yang tinggi disertai dengan keikhlasan dan kejujuran merupakan sumbangan berharga ke arah pencapaian matlamat Agenda Integriti Nasional.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah IIM, Ahli-Ahli IIM, pihak pengurusan dan warga kerja IIM serta rakan-rakan integriti IIM yang telah memberikan kerjasama padu dalam menjayakan perlaksanaan PIN dan Agenda Integriti Nasional. Semoga segala kerjasama dan usaha ke arah membudayakan integriti dalam kalangan rakyat Malaysia akan memperoleh kejayaan, *Insya Allah*.



I am convinced, based on the stability and scenario in Malaysia, that there will be opportunities for all quarters to help fortify and inculcate the integrity agenda in all levels of society in an organized and effective manner. Cooperation and a high level of commitment with sincerity and honesty is a valuable contribution towards achieving the goal of the National Integrity Agenda.

*In closing, I want to record my appreciation and gratitude to all IIM Board of Directors, IIM members, the administration and staff of IIM and also friends of IIM who have worked together to make the NIP and National Integrity Agenda a success. May every partnership and effort towards inculcating integrity among Malaysians bring forth success, *Insya Allah*.*

TAN SRI MOHD SIDEK HAJI HASSAN

Laporan Presiden

President's Report

Kini sudah hampir tujuh tahun institut Integriti Malaysia (IIM) diwujudkan. Sejak ditubuhkan pada 23 April 2004, IIM telah berusaha keras untuk melonjakkan tahap integriti di kalangan masyarakat dengan program penerapan nilai-nilai murni serta kerohanian yang utuh dan bertunjangkan budi pekerti yang mulia.

Fasa pertama semenjak pelancarannya pada tahun 2004 hingga tahun 2008 telah dilaksanakan dengan jayanya. Fasa lima tahun kedua dari tahun 2009 hingga 2013 terus memberi penekanan kepada pencapaian Tekad Integriti iaitu; mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dengan berkesan, memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan dan mengatasi karenah birokrasi, meningkatkan tadbir-urus korporat dan etika perniagaan, memantapkan institusi keluarga dan komuniti, dan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat. Tekad Integriti akan terus menjadi agenda utama kerajaan dan negara ke arah membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia.

Dengan tamatnya tempoh lima tahun yang pertama, matlamat dan falsafah PIN diteruskan dan diperjuangkan dengan lebih giat lagi. Kita sedar bahawa usaha membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia melalui Pelan Integriti Nasional bukanlah sesuatu yang boleh dicapai dalam jangka waktu yang singkat. Apa yang penting, kita hendaklah menjadikan pelan ini satu kenyataan, dihayati sehingga ke peringkat akar umbi.

Fungsi Utama IIM diteruskan untuk bertindak sebagai agensi penyelaras dan pemantau pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) dengan teras kegiatannya antara lain meliputi pendidikan dan latihan, penyelidikan, komunikasi dan penganjuran pelbagai bentuk forum dan perbincangan, pelaporan dan penerbitan, serta mengadakan jaringan dengan lapan sektor masyarakat, iaitu keluarga, komuniti, masyarakat sivil, sosiobudaya, agama, ekonomi, politik dan pentadbiran.

IIM juga telah menjalankan pelbagai usahasama dengan agensi-agensi kerajaan dan pelbagai sektor masyarakat untuk mewawarkan dan meneruskan usaha-usaha membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia. Tahun 2010 telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. IIM telah mengadakan pelbagai bentuk kerjasama, perkongsian bestari (*smart partnership*) termasuk mengadakan kerjasama



dengan agensi-agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Selain itu, kerjasama juga terus dimantapkan dengan pihak PBT dan juga rakan-rakan integriti yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, syarikat korporat dan institusi pendidikan.

Ketika ini IIM memberikan fokus dan penekanan kepada golongan pelajar sekolah dan mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Pendekatan ini penting kerana nilai dan budaya integriti perlu dipupuk dari peringkat awal dan proses ini perlu melibatkan semua golongan masyarakat. Sehingga kini IIM telah mendapat kerjasama yang baik daripada pihak-pihak yang terlibat.

Dalam usaha memupuk kefahaman, kesedaran dan pengalaman masyarakat untuk memperkuuhkan integriti, IIM amat berbangga dan berterima kasih serta bersyukur kerana usaha-usaha yang dilaksanakan mendapat sokongan, bantuan dan kerjasama pelbagai agensi sama ada agensi awam, swasta mahupun masyarakat sivil.

Gerakan pemantapan integriti dalam kalangan rakyat akan terus menjadi inspirasi dan kekuatan bagi membina masyarakat Malaysia yang bermoral tinggi, berwawasan dan progresif

The move to cultivate integrity among the nation will continue to be an inspiration and a strength for the construction of Malaysians with high morals, who are forward looking and progressive

It has been seven years since the Malaysian Institute of Integrity (IIM) was established. Since its formation in 23 April 2004, IIM has worked hard to boost the level of integrity in society via programmes to instill good values and spiritual wholeness based on moral values.

The first phase from 2004 to 2008, since its launch was carried out successfully. The second five-year phase from 2009 to 2013 will continue to stress on achieving the Integrity Targets (Tekad Integriti), that is to combat corruption, malpractices and abuse of power holistically and effectively; increase efficiency in the public service delivery system and overcoming bureaucratic red tape; enhance corporate governance, business ethics and corporate social responsibility; strengthen the family institution and community; and improve the quality of life and wellbeing of society.

The Integrity Targets will continue to be the government's and country's national agenda towards inculcating integrity in the Malaysian society.

Following the end of the first phase, the goal and philosophy of the NIP will continue to be championed, more vigorously. We are aware that efforts to inculcate integrity in the Malaysian society through the NIP is not something that can be achieved within a short period of time. What is important is that we must realize our plans, internalising it all the way to the grassroots.

IIM will continue its key function as a coordinator and monitor the implementation of the National Integrity Plan and core activities, among which, covers education and training, research, communication and the organisation of various types of fora and discourses, reports and publication; as well as establishing a network with the eight sectors of society, that is: family, community, civil society, socio-culture, religion, economy, politics and administration.

IIM also conducted numerous collaborations with government agencies and various sectors of society to promote their efforts of inculcating integrity in the Malaysian society. The year 2010 showed encouraging accomplishments. IIM initiate collaborations and smart partnerships including work with enforcement agencies such as the Royal Malaysian Police (PDRM) and the Malaysian Fire and Rescue Department (JBPM). Apart from that, collaborative efforts were enhanced with local councils and integrity partners comprising government agencies, corporate entities and educational institutions.

IIM has been focusing on reaching school students and students from institutions of higher learning. This approach is important because values and a culture of integrity have to be instilled at an early stage, and this process involves all levels of society. Up to now IIM has received good cooperation from the various quarters.

In our efforts to foster understanding, awareness and the experiences of society to strengthen integrity, IIM is honoured and thankful, and also grateful because the efforts carried out have garnered support, aid and the cooperation from various agencies, be it public agencies, private or civil society.

As a national agenda, our efforts to explain the principles and philosophy of the NIP and IIM's function will be done from time to time. Among some

Sebagai suatu agenda nasional, usaha menerangkan prinsip dan falsafah PIN serta fungsi IIM terus dilaksanakan dari semasa ke semasa. Antara program yang dilaksanakan termasuklah persidangan, forum, perbincangan meja bulat, kursus, bengkel, ceramah dan dialog, yang bertemakan integriti. Penyelidikan berkaitan turut dijalankan bagi mendapatkan lebih banyak input dan maklum balas.

Program dan aktiviti yang dijalankan oleh IIM sama ada atas penganjuran IIM sendiri, maupun perkongsian pintar dengan pelbagai sektor masyarakat seperti yang dinyatakan dalam PIN bertujuan untuk membangkitkan kesedaran tentang mustahaknya prinsip integriti menjadi budaya kehidupan sehari-hari masyarakat Malaysia.

Perlu dinyatakan di sini bahawa perjuangan membudayakan integriti masih banyak yang harus dilakukan. Statistik kadar jenayah, aduan-aduan orang ramai terhadap sistem penyampaian khidmat awam, pertanggungjawaban sosial pihak korporat dan masyarakat peniaga, persoalan alam sekitar, masalah sosial, institusi keluarga yang semakin rapuh dan sebagainya memerlukan perhatian segera. Penyelesaian kepada masalah ini memerlukan penggembangan sumber dan tenaga daripada semua sektor masyarakat.

PIN wujud sebagai suatu dasar dan hala tuju pelaksanaan agenda integriti nasional. Namun begitu, apa yang lebih penting adalah pelaksana agenda, program dan aktiviti yang telah digariskan. Justeru, semua pihak perlu bertanggungjawab dan bekerjasama melaksanakan agenda ini dengan penuh kesedaran dan keikhlasan. Jika semua pihak dapat memberikan komitmen yang padu, saya percaya, strategi dan matlamat PIN akan dapat dijayakan dengan lebih teratur dan berkesan.

Gerakan pemantapan integriti dalam kalangan rakyat akan terus menjadi inspirasi dan kekuatan bagi membina masyarakat Malaysia yang bermoral tinggi, berwawasan dan progresif.

Saya amat berharap bahawa agenda yang murni ini akan terus menjadi satu gagasan yang menyeluruh dan holistik dalam usaha memantapkan nilai-nilai murni dalam jiwa setiap rakyat Malaysia.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kepimpinan negara yang terus menerus menjadikan agenda integriti sebagai satu daripada agenda utama negara. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah, Ahli-ahli IIM, rakan-rakan integriti, Institut Integriti Negeri (IIN) dan semua pihak yang telah memberi sokongan padu untuk menjayakan agenda nasional ini.

of the programmes coordinated are conferences, forum, roundtable discussions, courses, workshops, seminars and dialogues, on the theme of integrity. Related research have been carried out to collate input and feedback.

Programmes and activities run by IIM, whether organised by IIM or a smart partnerships with other sectors of society (as stated in the NIP), is aimed at raising the awareness on the importance for the principles of integrity to become a lifestyle of the Malaysian society.

It has to be stated here that in championing the inculcation of integrity, a lot more must still be done. Statistics of crime rates, complaints from many about public delivery systems, corporate social responsibility and the business community, environmental issues, the weakening family institution and many more, need immediate attention. The solutions to these problems is dependent upon the mobilisation of resources and energy from all sectors of society.

The NIP is a policy and direction for the implementation of the national integrity agenda. However, what is even more important is the implementer of the agenda, the programmes and activities that have been underscored. Thus, all parties have to be responsible and work together to implement the agenda, in full awareness and with sincerity. If all parties can give their total commitment, I believe, the strategies and objective of the NIP will come to fruition in an organised and effective manner.

The move to cultivate integrity among the nation will continue to be an inspiration and a strength for the construction of Malaysians with high morals, who are forward looking and progressive.

I truly hope that this noble agenda will continue to be an idea that is all encompassing and holistic in the efforts to inculcate good values in the lives of every Malaysian.

Finally, I wish to express my deepest appreciation and gratitude to our country's leaders who continually make the agenda of integrity an important agenda. I would also like to take this opportunity to express my appreciation to the Chairman and Board of Directors, members of IIM, integrity partners, State Integrity Institutes (IIN) and all who have rendered their strong support for the success of this national agenda.

DATUK DR. MOHD TAP SALLEH



Maklumat Korporat Corporate Information



Pernyataan Mengenai Tadbir Urus Korporat

Corporate Governance Statement

Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM) beriltizam mengekalkan serta memastikan pemakaian piawaian yang tertinggi dalam tadbir urus korporat di IIM.

Lembaga dengan sukacitanya membentangkan pernyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Pernyata ini menjelaskan pematuhan amalan terbaik dan proses-proses yang telah dilaksanakan oleh Institut seperti yang termaktub di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

AHLI LEMBAGA PENGARAH

Institut adalah diketuai oleh ahli Lembaga Pengarah IIM yang memimpin dan mengawal Institut. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus Institut dan merupakan badan utama yang merangka, seterusnya menentukan dasar dan hala tuju Institut untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya.

Komposisi Lembaga

Pada tarikh Laporan Tahunan ini, Lembaga terdiri daripada sebelas (11) anggota. Pelantikan sebelas (11) ahli Lembaga Pengarah dibuat oleh Y.A.B Perdana Menteri, di mana lima ahli ex-officio dilantik berlandaskan jawatan dalam perkhidmatan awam iaitu Ketua Setiausaha Negara, Peguam Negara, Ketua Audit Negara, Ketua Pesuruanjaya SPRM dan Ketua Pangarah MAMPU. Manakala enam (6) ahli lain dilantik secara individu dalam kalangan sektor korporat, akademia, badan bukan kerajaan dan pengamal undang-undang (*regulator*).

Sekiranya salah seorang *ex-officio* bersara dari perkhidmatan awam, secara langsung penganti beliau akan dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah IIM yang baru. Walau bagaimanapun, Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik secara individu akan menjadi ahli sehingga mencapai umur 70 tahun. Beliau perlu bersara pada Mesyuarat Agung berkenaan dan hanya boleh dilantik semula atas persetujuan 3/4 ahli-ahli IIM.

The members of the Malaysian Institute of Integrity (IIM) Board of Directors are committed to maintain and ensure the highest standards of governance in IIM.

The board is pleased to present the Statement on Corporate Governance for year end 31 December 2010. This statement explains the best practices and processes that have been implemented by the institute, as enshrined in the Malaysian Code on Corporate Governance.

BOARD OF DIRECTORS

The institute is headed by the members of the IIM Board of Directors who lead and govern the institute. The board is also responsible for the overall governance of the institute and is the main body to draft out, and subsequently determine the institute's policies and direction to achieve its strategic goals.

Composition of The Board

Up to the date of this Annual Report, the Board comprises 11 members. The election of the 11 members in the Board of Directors is done by the Y.A.B Prime Minister, in which five ex-officio members will be appointed from positions in the public sector, that is the Chief Secretary to the Government, Attorney General, Auditor General, Chief Commissioner of MACC and Director General of MAMPU. While the six other members are appointed individually from the corporate sector, academia, non-governmental organisations and regulators.

Should one of the ex-officios retire from public service, a successor will be immediately be appointed by the current IIM Board of Directors. However, Board of Directors who are appointed individually will be members up until the age of 70. He or she would have to retire at the Annual General Meeting and can only be reelected based on a 3/4 majority agreement among members of IIM.

Komposisi Lembaga yang sedia ada telah membuktikan bahawa mereka mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan awam, operasi perniagaan, kewangan dan perundangan. Pengalaman, pengetahuan dan kepakaran mereka dibina melalui penglibatan berterusan secara profesional dalam bidang masing-masing.

The existing composition of the Board of Directors have shown that the members elected have a breadth of experience in public service, business operations, financial and legal matters. Their experiences, knowledge and expertise have been built through constant engagements in their professional fields.

Tanggungjawab dan Tugas Lembaga

Lembaga bertanggungjawab secara keseluruhan dalam pengurusan Institut. Lembaga telah terlibat sepenuhnya di dalam perancangan strategik, menjalankan kajian prestasi operasi Institut, melaksanakan kawalan dalaman dan menguatkauasakan pematuhan terhadap kehendak undang-undang yang disyaratkan terhadap Institut.

Fungsi Lembaga yang lebih khusus termasuk tanggungjawab-tanggungjawab yang berikut:-

- Menghalusi, memandu dan menerima pakai pelan strategik bagi Institut melalui penggubalan dasar ke atas polisi dan prosedur operasi, belanjawan tahunan dan perancangan pengurusan jangka masa panjang.
- Memastikan kewujudan dan menilai kesempurnaan sistem kewangan Institut, sistem kawalan dalaman dan pengurusan adalah selaras dengan piawaian, undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah juga menyumbang dalam pelbagai kapasiti sebagai pakar rujuk dan panel bagi seminar, forum dan perbincangan meja bulat sepanjang tahun 2010

Roles and Responsibilities of the Board

The board is responsible for the overall management of the institute. The board is also fully involved in the strategic planning, reviewing the institute's operational performance, coordinating internal audits and ensuring compliance with all laws and regulations for the institute.

The specific funtions of the Board include the following responsibilities:

- To refine, drive and adopt strategic plans for the institute by drafting policies and operational procedures, annual budgets and long-term management planning.
- To ensure and assess the adequacy of the institute's financial system, internal auditing and administration in accordance to the standards, laws and regulations that are applicable.

The board members also contributed within their capacity as experts and panelists for numerous seminars, forums and round table discussions held throughout 2010.



MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah dirancang lebih awal dengan tatacara butir maklumat, tempat dan masa. Ini membolehkan lembaga pengarah merancang jadual dengan sewajarnya untuk memastikan kehadiran yang penuh di dalam mesyuarat.

Kertas Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan perbincangan diedarkan lebih awal bagi memastikan lembaga pengarah mempunyai masa yang cukup untuk mengkaji dan mempersiapkan diri untuk mengambil bahagian dalam perbincangan semasa mesyuarat dijalankan.

Pada tahun dilaporkan, Lembaga Pengarah telah mengadakan enam (6) mesyuarat biasa dan tidak termasuk Mesyuarat Agung Tahunan. Perbincangan merangkumi isu-isu berkaitan integriti, perancangan program dan aktiviti integriti, serta mengenai hal ehwal operasi dan pentadbiran IIM.

Kesemua perbincangan Mesyuarat Lembaga Pengarah diminitkan dan dicatatkan termasuk isu yang dibincangkan dan keputusan yang dicapai.

Jumlah Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Kehadiran Pengarah

Berikut adalah jumlah mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2010 dan rekod kehadiran ahli lembaga pengarah bagi mesyuarat tersebut :-

i) Tarikh Mesyuarat Lembaga Pengarah

- Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.1/2010 - 5 Februari 2010
- Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.2/2010 - 1 April 2010
- Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.3/2010 - 29 Jun 2010
- Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.4/2010 - 6 Ogos 2010
- Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.5/2010 - 4 Oktober 2010
- Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.6/2010 - 2 Disember 2010

BOARD OF DIRECTORS MEETING

Board meetings are planned and circulated in advance with details of the meeting itinerary, location and time. This allows the board members to plan their schedules accordingly to ensure a full attendance at the meeting.

The Board of Directors papers for consideration and discussion is circulated in advance to give the board members enough time to study and prepare themselves for the discussion during the meeting.

In the reported year, the Board of Directors had six regular meetings not including the Annual General Meeting. Discussions cover issues related to integrity, programme planning and integrity activities, as well as operational matters and administration of the IIM.

All discussions in the Board of Directors Meeting is minuted and recorded, including the issues discussed and resolutions achieved.

The Number of Board Meetings and Attendance of the Directors

The following are the number of meetings that have been held throughout 2010 and a record of the board member's attendance during the meetings:

i) Date of the Board Meetings

- *Board of Directors Meeting 1/2010 - 5 February 2010*
- *Board of Directors Meeting 2/2010 - 1 April 2010*
- *Board of Directors Meeting 3/2010 - 29 June 2010*
- *Board of Directors Meeting 4/2010 - 6 August 2010*
- *Board of Directors Meeting 5/2010 - 4 October 2010*
- *Board of Directors Meeting 6/2010 - 2 December 2010*

ii) Kehadiran Lembaga Pengarah / Attendance of Directors

Lembaga Pengarah / Board of Directors	Jumlah Kehadiran / Total Attendance	Peratusan Kehadiran / Attendance Percentage
Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan	6/6	100%
Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid bin Bugo	6/6	100%
Tan Sri Zarinah binti Anwar	4/6	67%
Tan Sri Abdul Gani Patail	2/6	33%
Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang	6/6	100%
Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim	5/6	83%
Datuk Normah binti Md. Yusof <i>Meletak jawatan pada 29 Jun 2010 / Resigned on 29 June 2010</i>	2/2	100%
Dato' Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed	4/6	67%
Dato' Mohamad Zabidi bin Zainal <i>Dilantik pada 29 Jun 2010 / Appointed on 29 June 2010</i>	4/4	100%
Dr. Chandra Muzaffar	4/6	67%
Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady	4/6	67%
Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh	6/6	100%

Pernyataan Tanggungjawab Sosial Korporat

Corporate Social Responsibility Statement

IIM meneruskan usaha-usaha dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh selaras dengan Tekad Integriti Sasaran 5 “meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.”

Pada tahun 2010, IIM meneruskan pelaksanaan program integriti Alam Sekitar dan modal sumber manusia diperingkat nasional. Program dan acara yang dilaksanakan termasuklah projek tahunan CSR Rebung bagi pemimpin-pemimpin pelajar sekolah menengah, program forum Alam Sekitar, Program Kem Mesra Didik dan Jelajah Integriti dengan anak-anak orang Asli. Ini merupakan antara usaha-usaha IIM untuk meningkatkan pemahaman dan amalan terbaik tanggungjawab korporat. Program CSR Rebung 2010 dijаяkan di MRSM FELDA, Trolak, Perak pada 13-20 Jun 2010. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama bahagian Pendidikan Menengah MARA, Persatuan Veteran VAT 69 Komando, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), PLUS, Malaysian Nature Society (MNS), PROTON, Institut Sosial Malaysia dan Universiti Pengajian Sultan Idris.



Kem Mesra Didik 2010 dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Program yang melibatkan lebih kurang 400 anak Orang Asli seluruh Negara dijаяkan di MRSM Kuala Kubu Baru pada 12-16 Disember 2010. Program ini yang menggunakan elemen pembelajaran dan modul teater mengembangkan tenaga alumnus CSR Rebung dan juga Integrity Business Club untuk mendidik dan menjadi contoh teladan kepada pelajar-pelajar Orang Asli.

IIM extends efforts to increase the quality of life and well-being of society as a whole, in line with Target 5 of the Integrity Targets (Tekad Integriti): “improving the quality of life and the people’s well-being”.



In 2010, IIM implemented the Environmental Integrity programme and human resource capital on a national level. The programmes and events carried out included the annual CSR Rebung project for student leaders of secondary schools, Environmental forum, Education-Friendly Camp and Exploring Integrity (Kem Mesra Didik dan Jelajah Integriti) with Orang Asli children. These were among IIM's efforts to increase the understanding and best practices of corporate responsibility. The CSR Rebung 2010 project was successfully run in MRSM Felda, Trolak, Perak from 13-20 June 2010. The programme was done in collaboration with MARA Secondary Education, Vat 69 Commando Veteran Society, Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), PLUS, Malaysian Nature Society (MNS), PROTON, Malaysian Social Institute and Universiti Pengajian Sultan Idris.

The Education-friendly Camp 2010 (Kem Mesra Didik 2010) was a collaborative effort between Majlis Amanah Rakyat and the Department of Orang Asli Affairs. The programme involved approximately 400 Orang Asli children across the country and was held in MRSM Kuala Kubu Baru from 12-16 December 2010. Applying the elements of learning and theatre modules, the programme mobilized the alumni CSR Rebung and Integrity Business Club to educate the Orang Asli students and become role models for them.



Siri ketiga Jelajah Integriti dilaksanakan di Pos Balar dan Pos Brooke, Gua Musang, Kelantan pada 2-8 Julai 2010. Seperti tahun sebelumnya, program ini mengambil pendekatan pendidikan untuk membantu dalam memperbaiki status ekonomi orang Asli di Perak. Projek ini merupakan projek tahunan IIM yang melibatkan keseluruhan warga IIM dan rakan-rakan integriti dalam satu inisiatif CSR yang terancang, berterusan dan bertumpu kepada masyarakat terpinggir Orang Asli di seluruh negara.

The third series of Exploring Integrity was done in Pos Balar and Pos Brooke, Gua Musang, Kelantan from 2-8 July 2010. As in the previous years, the programme took the approach of educating and improving the economic status of the Orang Asli in Perak. This is IIM's annual project which involves all IIM staff and partners of integrity in one collaborative CSR initiative, that is run continually and focuses on the Orang Asli across the country who have been marginalised.

IIM juga menganjurkan Forum Integriti Alam Sekitar dengan harapan program ini dapat membantu mendidik masyarakat mengenai pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan semua. IIM bekerjasama dengan tokoh-tokoh yang mempelopori pemuliharaan alam sekitar dan agensi serta organisasi yang berkaitan untuk menjayakan kempen integriti dalam penjagaan alam sekitar. IIM akan meneruskan usaha-usaha menanam nilai-nilai murni dan integriti melalui program-program CSR yang berbentuk pendidikan kepada semua sektor masyarakat.



Falsafah, Visi dan Misi

Philosophy, Vision and Mission

FALSAFAH

Falsafah IIM adalah untuk meningkatkan integriti sebagai suatu cara hidup rakyat Malaysia melalui amalan prinsip-prinsip etika. Pendekatan falsafah ini akan melibatkan seluruh rakyat Malaysia merangkumi sektor awam, sektor swasta, parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat umum.

VISI

Visi IIM selaras dengan Cabaran Keempat Wawasan 2020 iaitu “membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.”

MISI

Misi IIM ialah untuk melaksanakan objektif, strategi dan program peningkatan etika dan integriti warga Malaysia dalam semua aspek kehidupan.

PHILOSOPHY

The philosophy of IIM is to promote integrity as a way of life among Malaysians through the practice of ethical principles. This approach involves Malaysians at all levels including the public sector, private sector, political parties, non-governmental organizations as well as the public.

VISION

The vision of IIM is aligned to the Fourth Challenge of Vision 2020 that is “to shape a society that is firmly based on moral principles and ethics imbued with sound religious and spiritual values, which are attested by good manners.”

MISSION

The mission of IIM is to implement its objectives, strategies and programmes in enhancing integrity and ethics among Malaysians in all aspects of life.



Objektif dan Fungsi

Objectives and Functions

Objektif utama IIM adalah untuk menjadi jentera pelaksana Pelan Integriti Nasional (PIN) ke arah membangunkan sebuah bangsa Malaysia yang berdaya tahan dan menghayati nilai-nilai integriti dan etika.

Objektif khusus IIM adalah:

- a. Mengendalikan penyelidikan berkaitan dengan integriti institusi dan masyarakat;
- b. Menganjurkan persidangan, seminar dan forum;
- c. Menghimpuin pendapat pelbagai sektor mengenai kemajuan atau halangan kepada pelaksanaan integriti;
- d. Menerbit dan mengedar bahan-bahan bercetak, menggubal pelaksanaan program-program dan strategi-strategi bagi meningkatkan integriti;
- e. Mengemukakan perakuan-perakuan dasar bagi meningkatkan integriti dan etika;
- f. Membangunkan pangkalan data mengenai integriti dan etika;
- g. Memberikan khidmat nasihat kepada kerajaan mengenai program-program dan strategi-strategi bagi meningkatkan integriti; dan
- h. Mewujudkan jaringan dengan organisasi-organisasi antarabangsa bagi membolehkan peranan dan sumbangan IIM diiktiraf di peringkat antarabangsa.

The main objective of IIM is to act as a machinery in the implementation of the National Integrity Plan (NIP) towards developing a nation that is of high integrity, resilient and that embraces universal good values.

The specific objectives of IIM are:

- a. To conduct research related to integrity of institution and that of the community;
- b. To organize conference, seminars and forum;
- c. To elicit opinions from various sectors on the progress made or on the obstacles faced in implementing integrity;
- d. To publish and circulate printed materials as well as formulating and implementing training and educational programmes;
- e. To recommend new policies for the enhancement of integrity and ethics;
- f. To develop database on integrity and ethics;
- g. To advise the Government on strategies and programmes in enhancing integrity; and
- h. To establish networking with international organizations.

Ahli Lembaga Pengarah

Board of Directors



Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan
Pengerusi, IIM dan Ketua Setiausaha Negara



Dato' Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed
Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Datuk Dr. Mohd Tap Salleh
Presiden, IIM



Tan Sri Abdul Ghani Patail
Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara



Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady
Felo Kehormat, Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Malaysia (ISTAC)



Tan Sri Zarinah Anwar
Pengerusi, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Professor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim
Pensyarah, Jabatan Sejarah Universiti Malaya



Dato' Mohamad Zabidi Bin Zainal
Ketua Pengarah, Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)




Dr. Chandra Muzaffar
Presiden, 'International Movement for Just World'



Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang
Ketua Audit Negara



Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo
Pengerusi, Sego Holding Sdn Bhd




Norliana Binti Ali Akbar
Setiausaha Syarikat

Pengurusan Atasan Senior Management



Struktur Organisasi Organisation Structure



Senarai Ahli IIM

List of IIM's Members

1. Dato' Haji A.Aziz bin Deraman
2. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Khalid bin Sahan
3. Afifah binti Abu Bakar
4. Dato' Aidit bin Ghazali
5. Datin Aminah binti Pit Abd Rahman
6. Dato' Anthony Reynolds Peter
7. Chan Wen Li
8. David Sim Huay Chuang
9. Che Faridah binti Khalid
10. Habibah binti Haji Abd. Manaf
11. Datuk Ir. Hamzah bin Hasan
12. Profesor Dato' Dr. Hussein bin Haji Ahmad
13. Profesor Datuk Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajunid
14. Y.B Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Samsuddin
15. Datuk Johan bin Jaaffar
16. Josie M. Fernandez
17. Dato' Dr. Low Bin Tick
18. Profesor Dr. Mahmood bin Nazar Mohamed
19. Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Haji Ab Majid
20. Maliha binti Yahya
21. Dato' Marimuthu Nadason
22. Tuan Haji Md Jafar bin Abdul Carrim
23. Tan Sri Megat Najmuddin bin Megat Khas
24. Michael Chiam Tow Hui
25. Dato' Mohamad Salleh bin Rafie
26. Datuk Seri Panglima Mohd Annuar bin Zaini
27. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Mohd Ismail bin Merican
28. Mohd Salihin bin Othman
29. Profesor Dato' Mohd Shukri bin Ab.Yajid
30. Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abd Wahid
31. Tuan Haji Mohd Yasin bin Hamzah
32. Tan Sri Mohd Yusof bin Hitam
33. Profesor Dr. Mohd Yusof bin Haji Othman
34. Dato' Haji Mustafa bin Ali
35. Mustafa Kamil bin Ayub
36. Datuk Haji Nordin bin Abdul Hamid
37. Dato' Nik Zainiah binti Nik Abd Rahman
38. P. Kanason a/l Pothinker
39. Datuk P.Venugopal a/l Menon
40. Profesor Dr. Rahimah binti Abd. Aziz
41. Datuk Dr. Rosti Saruwono
42. Dr. Sarjit Singh Darshan Singh
43. Dato' Shafee bin Yahaya
44. Dato' Siva Subramaniam
45. Dato' Syed Amin Aljeffri
46. Y.B Dr. Tan Seng Giaw
47. V T Nathan
48. Tan Sri Yong Poh Kon
49. Dato' Yusli bin Mohamed Yusoff
50. Dr. Zainal Abidin Abdul Majeed
51. Zainal Abidin bin Pit
52. Tan Sri Datin Paduka Seri Hajjah Zaleha binti Ismail



Laporan Aktiviti 2010

Report on Activities for 2010



Sektor Awam

Public Sector

LAPORAN PELAKSANAAN KURSUS PEMBANGUNAN INDIVIDU DAN ORGANISASI BERINTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM (PIOB) TAHUN 2010

Kursus Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) Dalam Perkhidmatan Awam masih diteruskan seperti tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2010 kursus ini masih lagi dibahagikan kepada 2 kategori iaitu secara berkala yang merupakan anjuran sepenuhnya IIM dan dijalankan secara berkala sepanjang tahun 2010. Manakala kategori kedua pula secara kerjasama dan biaya penuh oleh agensi yang menganjurkan kursus tersebut.



Sepanjang tahun 2010 sebanyak 21 sesi kursus PLOB secara berkala telah berjaya dilaksanakan seperti yang telah dirancang. Ianya merangkumi penyertaan seramai 606 kakitangan awam dari pelbagai agensi. Manakala bagi kursus secara kerjasama pula permintaan mengadakan kursus daripada pelbagai agensi perkhidmatan awam persekutuan mahupun negeri adalah sangat memberansangkan. Pada tahun 2010 sebanyak 34 siri PLOB secara kerjasama telah berjaya dijalankan merangkumi penyertaan seramai 1306 orang penjawat awam dari pelbagai agensi. Hal ini telah menunjukkan peningkatan 36.6% berbanding jumlah penyertaan peserta pada tahun 2009.

Melalui kursus ini, para peserta yang didedahkan kepada konsep Integriti selaras dengan Pelan Integriti Nasional (PIN). Selain itu penerapan nilai integriti penjawat awam juga di tekankan sebagai satu mekanisme penghayatan dan juga perlaksanaan bagi langkah melahirkan penjawat awam berintegriti seterusnya keberjayaan pembudayaan integriti rakyat Malaysia. Selain itu kursus ini juga menyediakan peserta kepada strategi yang diperlukan semua penjawat awam bagi memastikan hasrat kerajaan untuk mentransformasikan perkhidmatan awam ke arah bertaraf dunia akan berjaya.

EXECUTION REPORT FOR INDIVIDUAL AND ORGANISATIONAL INTEGRITY DEVELOPMENT (PIOB) COURSE IN PUBLIC SERVICE

The Individual and Organisational Integrity Development (PIOB) Course for Public Service was carried out as in the previous years. In 2010, the course was divided as usual into two categories. The first category comprised periodical courses fully organised by IIM and held throughout the year, while the second category comprised those organised in co-operation with or paid fully by the organising agency.

Throughout 2010, 21 PLOB courses were conducted successfully as per planned, drawing the participation of 606 public service staff from various agencies. There was also an encouraging increase of requests to hold the courses in partnership with a range of public service agencies from both the federal and state governments. Within the same year, 34 jointly organised PLOB series were held with the participation of 1306 public service staff members. This is an increase of 36.6% in the number of participants as compared to 2009.

Through this course, participants were introduced to the integrity concept in line with the National Integrity Plan (NIP). Other than that, nurturing integrity among the public service staff was also emphasised as a mechanism to appreciate and develop a service with integrity, therefore making integrity a Malaysian culture. In addition, the PLOB Course also prepared participants with strategies needed by all public service staff to ensure the success of our government's aim in transforming the service into one with international standards.



Kursus Pembangunan Individu Dan Organisasi Berintegriti (PIOB) Dalam Perkhidmatan Awam Berkala 2010 *Periodical Individual And Organisational Integrity Development (PIOB) Course In Public Service 2010*

Bil No	Tarikh Date	Agenzi Agency	Peserta Participants
1	13 -15 Jan 2010	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani <i>Ministry of Agriculture and Agro-based Industry</i>	29
2	27 - 29 Jan 2010	Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) <i>Federal Territories Islamic Affairs Department</i>	34
3	3 - 5 Feb 2010	Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) <i>Department of Malaysian Quarantine and Quality Inspection Services</i>	28
4	23 - 25 Feb 2010	Kementerian Belia dan Sukan <i>Ministry of Youth and Sports</i>	23
5	10 -12 Mac 2010	Biro Pengaduan Awam <i>Public Complaints Bureau</i>	33
6	24 - 26 Mac 2010	Jabatan Perkhidmatan Veterinar <i>Veterinary Services Department</i>	21
7	7 - 9 Apr 2010	Majlis Keselamatan Negara <i>National Security Council</i>	26
8	21 - 23 Apr 2010	Jabatan Immigresen Johor <i>Immigration Department of Johor</i>	35
9	5 - 7 Mei 2010	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) <i>Department of Survey and Mapping Malaysia</i>	26
10	19 - 21 Mei 2010	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia <i>Ministry of Energy, Green Technology and Water</i>	34
11	2 - 4 Jun 2010	Kementerian Pelajaran Malaysia <i>Ministry of Education</i>	34
12	9 -11 Jun 2010	Unit Penyelarasan Perlaksanaan <i>Implementation Coordination Unit (ICU)</i>	33
Following the three sessions held in 2009 at MRSM Kuala Klawang, Kelantan (29 November till 1 December), MRSM Taiping, Perak (10-12 December) and MRSM Kuantan, Pahang (13-15 December) called “Program Jom Ke Sekolah Menengah”, IIM was again invited by MARA to provide teaching staff, modules and expert advice to train selected MRSM students to be “kakak angkat” and “abang angkat”, or the main facilitators, in the programme. Jom Ke Sekolah Menengah was jointly organised by BPM-MARA and the Department of Orang Asli Affairs (JHOEA).

Based on the success of the orang asli “adik angkat” modules (nine modules which apply 3M learning elements - including a theatre module where participants present a play to their “adik angkat”) Alumni CSR Rebung and Integrity Business Club once again joined hands with the MRSM students to organise the programme for about 400 orang asli students around the country. The programme was held in MRSM Kuala Kubu Bharu on 12-16 December 2010.

The effort was seen as a catalyst to increase registration of Year Six orang asli students into Form One and provide opportunities and space for MRSM students to be role models to the orang asli students.



PROJEK JELAJAH INTEGRITI 2010 DI POS BALAR DAN POS BROOKE, GUA MUSANG, KELANTAN DARUL NAIM

Hasil gabungan kerjasama berpadu Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, dengan sokongan Kelab Veteran Komando 69, Institut Integriti Malaysia telah mengadakan siri ketiga Jelajah Integriti 2010 bertempat di Pos Balar dan Pos Brooke, Gua Musang, Kelantan Darul Naim pada 2-8 Julai, 2010.

Projek ini membawa tema tahun lepas, “Alam Lestari, Integriti Asli”, dan mengekalkan pendekatan projek 2010 iaitu aspek pendidikan yang dilihat sebagai cara terbaik memperbaiki status ekonomi orang asli yang mundur di negeri Kelantan, berdasarkan objektif keempat institusi ekonomi Pelan Integriti Nasional (PIN) iaitu “Pengukuhan perpaduan antara kaum dan antara wilayah melalui aktiviti ekonomi”. Susulan projek kedua di Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Perak pada tahun 2009, projek ini membabitkan ahli Integrity Business Club dari Management & Science University (MSU), Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Universiti Tenaga Nasional, Kampus Sultan Ahmad Shah (KSAS), Pahang dan UiTM Seri Iskandar, Perak.

Mesyuarat penyelarasan jawatankuasa induk yang di terajui oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Pelbagai aktiviti seperti demonstrasi penjagaan diri, perkhidmatan kesihatan, kelas mengira dewasa, sumbangan makanan, acara sukaneka, kelas motivasi dan sebagainya.

JELAJAH INTEGRITI 2010 AT POS BALAR DAN POS BROOKE, GUA MUSANG, KELANTAN DARUL NAIM

Thanks to the strong co-operation between the Kelantan state secretary and with the support of the Kelab Veteran Komando 69, Malaysian Institute Of Integrity organised the third series of Jelajah Integriti 2010 at Pos Balar and Pos Brooke, Gua Musang, Kelantan Darul Naim on 2-8 July 2010

The exploration’s theme was “Alam Lestari, Integriti Asli” and used similar approach in 2010. The 2010 programme emphasised on the education aspect, which was deemed the best way to improve the economic status of orang asli in Kelantan. It was based on the National Integrity Plan (NIP) economic institution fourth objective which is “Strengthening the Unity Between the Different Ethnic Groups and Regions Through Economic Activities”.

As follow-up to the second project at Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun Perak in 2009, the project involved Integrity Business Club members from Management and Science University (MSU), Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Universiti Tenaga Nasional, Kampus Sultan Ahmad Shah (KSAS), Pahang and UiTM Seri Iskandar, Perak.

The central coordinating committee meeting was chaired by the Kelantan state secretary office. Among the activities held included personal care demonstration, health services, mathematic classes for adults, food contribution, games and motivational classes.

TUN AZIZAN INTEGRITY LECTURE SERIES 2010

Hasil perbincangan bersama peserta Tun Azizan Zainul Abidin Integrity Circles pada bulan Mei, 2010, satu cadangan untuk menganjurkan siri Tun Azizan Integrity Lecture Series telah dibentangkan kepada ahli-ahli Integrity Business Club, Universiti Teknologi PETRONAS. Pada 27 Oktober, 2010, siri Syarahan Perdana ini dilancarkan dengan Y.Bhg Tan Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob, Pengurus MIDA dan mantan Presiden Institut Integriti Malaysia yang pertama. Acara tersebut dihadiri oleh Y.Bhg Puan Sri Datin Seri Noor Aini Che Teh, isteri kepada Allahyarham Tun Azizan Zainul Abidin dan lebih kurang 1,000 orang hadirin dari kalangan pelajar Universiti Teknologi PETRONAS, staf dan tetamu-tetamu undangan. Siri syarahan ini dicadangkan untuk diteruskan pada tahun 2011.



TUN AZIZAN INTEGRITY LECTURE SERIES 2010

Resulting from a discussion with the Tun Azizan Zainul Abidin Integrity Circles participants on May 2010, a proposal to organise the Tun Azizan Integrity Lecture Series was brought to the Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) Integrity Business Club members. On 27 October 2010, MIDA president Y.Bhg Tan Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob launched the first lecture series. The event was also attended by Allahyarham Tun Azizan Zainul Abidin's wife Y. Bhg Puan Sri Datin Seri Noor Aini Che Teh and about 1,000 guests comprising of UTP students, staff and invited guests. The series is expected to be continued in 2011.

SESI LATIHAN PROGRAM TUN AZIZAN ZAINUL ABIDIN INTEGRITY CIRCLES FOR YOUNG PROFESSIONALS 2010

Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan sokongan Petronas (PERMATA) telah mengadakan kerjasama pintar bersama Kerajaan Negeri Selangor menganjurkan program Tun Azizan Zainul Abidin Integrity Circles For Young Professionals (TAZAIC) ke-9 pada 11-16 Mei 2010 di PERMATA, Bangi. Kursus TAZAIC ke-9 ini dihadiri 30 pegawai eksekutif muda berumur antara 25-35 tahun yang dipilih khusus melalui proses saringan integriti daripada pencalonan yang diterima oleh IIM dari pelbagai sektor kerajaan, swasta, korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) antaranya MARA, UiTM, MOSTI, TELEKOM, MAS, Bernama, SUK Selangor, USM, Khazanah Nasional Berhad, MEF, PETRONAS, PDRM, SPRM dan Proton.

Selain daripada rencana pengisian program yang diterapkan ADK (Aktiviti Dalam Kelas) termasuk – bengkel interaktif, pembelajaran intelektual nilai etika dan integriti dengan fasilitator pakar menerusi enam modul intensif, lawatan sambil belajar bersama SUK Selangor YB Dato' Ramli Mahmud, lawatan ke pejabat SPRM Selangor dan lawatan ke IPD Shah Alam diselangi dengan lawatan ke Kuala Selangor di mana mereka diberi peluang untuk mananam “pokok integriti” bersama dengan azam dan niat untuk menegakkan integriti di dalam konteks individu dan organisasi masing-masing.



Mereka diberi penerangan mengenai program pembasmian kemiskinan terancang kerajaan di Flat Seri Perantau, Klang sebelum mereka melaksanakan sendiri projek CSR di mana mereka menemurah dan melawat penduduk dan meninjau sendiri masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan miskin bandar. Sebagai penutup, satu majlis makan malam bersama dengan Y.Bhg Puan Sri Datin Seri Noor Aini Che Teh, isteri kepada Allahyarham Tun Azizan Zainul Abidin telah di adakan di PERMATA, Bangi.

TUN AZIZAN ZAINUL ABIDIN INTEGRITY CIRCLES FOR YOUNG PROFESSIONALS 2010 TRAINING SESSION

Malaysian Institute of Integrity (IIM) with the support of Petronas (PERMATA) through a smart partnership with the Selangor state government organised the ninth Tun Azizan Zainul Abidin Integrity Circles For Young Professionals (TAZAIC) on 11- 16 May 2010 at PERMATA, Bangi. The TAZAIC course was attended by 30 young executives aged between 25 and 35 years old, specially selected through an integrity vetting proses from nominations received from various government, state and non-governmental organisations. Among the organisations were MARA, UiTM, MOSTI, TELEKOM, MAS, Bernama, SUK Selangor, USM, Khazanah Nasional Berhad, MEF, PETRONAS, PDRM, SPRM and Proton.



Other than the classroom programme activities which includes an interactive workshop and intellectual learning on ethics and integrity with expert facilitators through six intensive modules, participants went on a field trip with the Selangor state secretary YB Dato' Ramli Mahmud, and had an excursion to Selangor MACC and IPD Shah Alam. During a trip to Kuala Selangor, participants had the opportunity to plant an “integrity tree” with goals and ambitions to uphold integrity in their personal life and organisation.

They were briefed on the planned poverty eradication programme by the government at Flat Seri Perantau, Klang before executing their CSR projects by interviewing and visiting the residents to see for themselves the problems faced by the urban poor. For closing, a dinner with Y. Bhg Puan Sri Datin Seri Noor Aini Che Teh, wife of Allahyarham Tun Azizan Zainul Abidin was held at PERMATA, Bangi.

KERJASAMA INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA DAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Selaras dengan kandungan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang dimeterai pada 7 Ogos 2009, IIM meneruskan kerjasama dengan SSM dengan menganjurkan dua siri forum bertajuk "Beyond Compliance: Toward SME & SMI Excellence in the 21st Century" yang telah dimulakan daripada tahun 2009 yang menyasarkan peserta-peserta dari kalangan syarikat-syarikat multinasional, syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat-syarikat yang tersenarai, industri kecil dan sederhana, agensi dan jabatan kerajaan berkaitan, pihak-pihak berkepentingan (stakeholders), usahawan, peniaga, ahli dewan perniagaan dan masyarakat pengguna. Satu acara pelancaran dianjurkan di IIM pada 18 Mac, 2010, dirasmikan oleh Presiden and Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Y.Bhg. Dato' Azmi Ariffin diikuti dengan program susulan di Pulau Pinang, jalinan kerjasama dengan Dewan Perniagaan Pulau Pinang.

Pada masa yang sama, IIM dan SSM juga sedang bekerjasama untuk membangunkan terbitan "Best Business Practice Circular" yang dijangka siap pada tahun 2011.

PELANCARAN E-LEARNING KOD ETIKA TELEKOM MALAYSIA BERHAD

Pada 15 Oktober, 2010, kerjasama di antara IIM dan Telekom Malaysia Berhad yang telah bermula sejak awal tahun 2010 telah sampai ke kemuncaknya apabila dengan bantuan Multimedia Universiti, Telekom Malaysia Berhad telah melancarkan modul pembelajaran menggunakan intranet untuk kesemua warga Telekom Malaysia. Gabungan kerjasama Telekom Malaysia dengan IIM yang disokong oleh kepakaran teknikal MMU telah menghasilkan sebuah modul interaktif dan dinamik yang dilihat sebagai usaha yang boleh melonjakkan budaya beretika di Telekom Malaysia menggunakan teknologi semasa. Dirasmikan oleh TM Group CEO, Datuk Zamzairani Md Isa, projek ini adalah salah satu daripada usaha bersama syarikat-syarikat GLC yang diharap menjadi peneraju dalam usaha memantapkan integriti korporat.

PARTNERSHIP BETWEEN INTEGRITY INSTITUTE OF MALAYSIA AND COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

In line with the memorandum of understanding between Malaysian Institute of Integrity (IIM) and Companies Commission of Malaysia (SSM) dated 7 August 2010, IIM continued its partnership with SSM by organising two forums. The "Beyond Compliance: Toward SME & SMI Excellence in the 21st Century" forum, which began in 2009 targeted participants from multinational companies, government-linked companies, public listed companies, small and medium industries, relevant government agencies and departments, stakeholders, entrepreneurs, businessmen, chamber of commerce members and consumers. The launching ceremony held in IIM on 18 March 2010 was officiated by SSM president and CEO Y. Bhg. Dato' Azmi Ariffin. Subsequently, a follow-up programme was held in Penang, in co-operation with the Penang Chamber of Commerce.

Meanwhile, IIM and SSM are also working together to publish the "Best Business Practice Circular" book expected to be out in 2011.



TELEKOM MALAYSIA BERHAD E-LEARNING CODE OF ETHICS LAUNCH

On 15 October 2010, the partnership between IIM and Telekom Malaysia Berhad which began in early 2010 reached its peak where with the help of Multimedia University, Telekom launched a learning module via intranet for its staff. The IIM and Telekom Malaysia partnership, supported by the technical expertise of MMU, created an interactive and dynamic module that is deemed as an effort that can increase ethical culture in the company by using modern technology. TM Group CEO Datuk Zamzairani Md Isa launched the module, one of the fruit from GLC partnership which is hoped to lead in the effort to enhance corporate integrity.

FORUM INTEGRITI KORPORAT 2010

Bersempena dengan Hari Integriti Nasional telah menganjurkan Forum Integriti Korporat yang berlangsung pada 11 November, 2010. Selari dengan usaha membangunkan Sistem Integriti Korporat Malaysia dengan tema "Towards Realizing Malaysia's Economic Goals with Integrity: Aligning Corporate Governance and Business Ethics Agenda".



Tiga ahli panel terdiri daripada wakil-wakil daripada dewan perniagaan, badan profesional dan badan pengawalselia iaitu Encik Hashim bin Mohamed, Presiden, Institut Audit Dalaman Malaysia (IIAM); Encik Wong Kay Yong, Ketua, Pemantauan dan Tabdir Urus Korporat, Bursa Malaysia Berhad dan Y.Bhg Datuk David Chua, Setiausaha Agung, Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCCIM).

Y.Brs Prof. Dr. Syed Hamid Aljunid, Ketua Jabatan Ekonomi dan Tadbir Urus, INCEIF bertindak sebagai pemudahcara sesi tersebut. 500 hadirin daripada sektor swasta, awam dan badan-badan profesional, kawal selia dan kerajaan telah menghadiri sesi tersebut.

CORPORATE INTEGRITY FORUM 2010

In conjunction with the National Integrity Day, the Private Sector organised the Corporate Integrity forum on 11 November 2010. In line with the effort to build the Corporate Integrity System of Malaysia, the theme of the forum was "Towards Realizing Malaysia's Economic Goals with Integrity: Aligning Corporate Governance and Business Ethics Agenda".

The three panelists featured were representatives from chamber of commerce, professional body and regulatory body: Institute of Internal Audit Malaysia (IIAM) president Encik Hashim bin Mohamed, Bursa Malaysia Berhad corporate surveillance and investigation head Mr Wong Kay Yong, and Associated Chinese Chamber of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM) secretary-general Y.Bhg Datuk David Chua.

INCEIF head of economics and management department Y. Brs Prof. Dr. Syed Hamid Aljunid was the moderator. The forum was attended by 500 guests from the public and private sectors, as well as professional and regulatory bodies.



Sektor Sosiobudaya

Socio-cultural Sector

PERTANDINGAN DEBAT PERDANA INTEGRITI ANTARA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI 2010

Sebagai satu langkah menyambut serta menyokong prinsip 1Malaysia, pertandingan pada tahun 2010 telah diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pertandingan selama 5 hari telah diadakan pada 12 hingga 16 Mac 2010. Objektif utama pertandingan adalah untuk menjadikan pertandingan ini sebagai satu wacana ilmu ke arah pengukuhan integriti serta mendedahkan isu-isu yang berkaitan dengan nilai-nilai murni, etika dan integriti kepada warga kampus di negara ini.

Mulai tahun 2010, pertandingan telah dibuka kepada lima buah lagi IPTS dan empat buah Institut Pendidikan Guru di Sabah. Sebanyak 28 IPT telah menyertai pertandingan ini. Tema pertandingan pada tahun ini ialah 1Malaysia Berintegriti. Pasukan yang muncul Johan ialah Universiti Putra Malaysia (UPM) manakala naib johan pula merupakan pasukan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pendebat terbaik pula dimenangi oleh peserta dari UPM. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi.

Adalah diharapkan hasrat IIM adalah untuk menjadikan pertandingan ini sebagai satu langkah untuk menambah kefahaman mahasiswa mengenai usaha pengukuhan integriti dalam negara serta mengasah bakat sedia ada dalam mahasiswa yang merupakan bakal pemimpin di masa hadapan akan tercapai.



HIGHER EDUCATION INSTITUTION INTERCAMPUS INTEGRITY DEBATE COMPETITION 2010

As a move to celebrate and affirm the 1Malaysia principle, the competition in 2010 was held in Universiti Malaysia Sabah (UMS). The five-day debate was held from 12 to 16 March 2010. Its main objectives were to create a knowledge discourse to strengthen integrity and expose campus students in the country to issues related to good values, ethics and integrity.



Beginning 2010, the competition was opened to five more private higher institution of higher learning and four teacher's training institution in Sabah. Twenty-eight higher learning institutions participated last year and teams debated on the theme '1Malaysia Berintegriti'. The team from Universiti Putra Malaysia (UPM) emerged as champion while the team from Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) was the first runner-up. The best debater was won by a contestant from UPM. The prize giving ceremony was graced by the Higher Education Minister YB Dato' Seri Mohamed Khaled b. Nordin.

IIM hopes to make the competition a step towards increasing the understanding of campus students on integrity building efforts in the country and sharpen existing talents in the students, who are our future leaders.

KEM SMART INTEGRITI REMAJA

IIM dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya telah menganjurkan Kem Smart Integriti Remaja pada 26-28 Oktober 2010 di PD Sanctuary, Port Dickson. Seramai 40 orang pelajar lepasan PMR daripada 8 buah sekolah di sekitar Putrajaya telah terpilih untuk mengikuti kem tersebut. Objektif kem ini adalah untuk melatih pelajar agar bijak dan kritis dalam menyelesaikan masalah, mewujudkan semangat berpasukan dan saling bekerjasama. Impak daripada perlaksanaan kem ini telah melatih pelajar-pelajar agar mengamalkan nilai-nilai murni yang baik sewaktu berpasukan dan dapat berkongsi ilmu dan pengalaman dengan peserta-peserta lain.



INTEGRITY SMART CAMP FOR TEENAGERS

IIM in collaboration with the Federal Territory's Department of Education, Putrajaya organised an Integrity Smart Camp for Teenagers on 26-28 October 2010 in PD Sanctuary, Port Dickson. About 40 student from 8 schools in Putrajaya , who have completed their PMR were selected to participate in this Camp. The Objective of the Camp is to train students to be critical and smart in solving problems, and to educate them to work in a team and help one another. As a result of this camp, students were trained to practice good values in their team activities and share their knowledge and experience with other participants.



PERTANDINGAN MENULIS ESEI INTEGRITI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH 2009

IIM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah menganjurkan Pertandingan Menulis Esei Integriti Peringkat Sekolah Menengah bermula pada bulan November 2009 hingga pada bulan Februari 2010. Pertandingan ini terbuka kepada semua sekolah di seluruh negara. Objektif pertandingan ini adalah untuk mempromosikan budaya hidup berintegriti dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah serta memberi peluang kepada para pelajar untuk mengasah bakat mereka dalam penulisan kreatif dan deskriptif.

Pihak pengajur telah menerima lebih daripada 100 penyertaan melibatkan dua (2) kategori iaitu Kategori A bagi pelajar tingkatan 1 hingga 3 dan Kategori B bagi pelajar tingkatan 4 hingga 5.

Kategori A (Ting 1 - 3)
 Category A (Form 1 – 3)

Bil No	Nama Name	Sekolah School
1	Amani bt. Che Rus	MRSM Beseri, Perlis
2	Noor Sharina Aini bt. Mohd Nasir	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Buloh, Selangor
3	Siti Hajar bt. Mazlan	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Buloh, Selangor

Kategori B (Ting 4 - 5)
 Category B (Form 4 – 5)

Bil No	Nama Name	Sekolah School
1	Doreen Kho Hui Lee	Sekolah Menengah Kebangsaan Green Road, Kuching, Sarawak
2	Syafiqah Razan bt. Sharifuddin	Sekolah Menengah Sains Seri Puteri, Kuala Lumpur
3	Anissa Nadhira bt. Anuar	Sekolah Menengah Sains Seri Puteri, Kuala Lumpur

SECONDARY SCHOOL LEVEL INTEGRITY ESSAY WRITING CONTEST 2009

IIM with the co-operation of the Ministry of Education of Malaysia and Majlis Amanah Rakyat (MARA) organised the Secondary School Level Integrity Essay Writing Contest from November 2009 to February 2010. The contest was open to all schools across the country. Its objectives were to promote integrity as a lifestyle, adopting good values among secondary school students and to give opportunities for students to sharpen their talent in creative and descriptive writing.

The organisers received more than 100 entries from two categories: Category A for Form One to Form Three students and Category B for Form Four and Form Five students.

KURSUS PEMBANGUNAN INDIVIDU & ORGANISASI BERINTEGRITI (PIOB) BAGI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)

Sepanjang tahun 2010, IIM telah menganjurkan tiga siri Kursus Pembangunan Individu & Organisasi Berintegriti (PIOB) bagi kakitangan JPJ, menjadikan keseluruhannya 14 siri sejak dimulakan dari tahun 2006.

Kursus tersebut telah diadakan di Akademi Pengangkutan Jalan Wilayah Utara, Langkawi, Kedah, Akademi Pengangkutan Jalan Wilayah Timur, Kota Bharu, Kelantan, dan Kompleks Tabung Haji Kota Kinabalu, Sabah.

Penganjuran kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan peserta terhadap usaha pengukuhan integriti dalam sektor awam. Penganjurannya juga adalah hasil daripada Memorandum Persefahaman yang dimenterai antara IIM dan JPJ pada tahun 2005, di mana IIM bersetuju untuk membantu JPJ dalam perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pemantauan Pelan Integriti nasional (PIN) di JPJ.

INDIVIDUAL AND ORGANISATIONAL INTEGRITY DEVELOPMENT COURSE (PIOB) FOR ROAD TRANSPORT DEPARTMENT (JPJ)

Throughout 2010, IIM organised three series of the Individual and Organisation Integrity Development Course (PIOB) for the JPJ staff, making it a total of 14 series since it was started in 2006.

The courses were held at the Akademi Pengangkutan Jalan Wilayah Utara, Langkawi, Kedah, Akademi Pengangkutan Jalan Wilayah Timur, Kota Bharu, Kelantan, and Kompleks Tabung Haji Kota Kinabalu, Sabah.

The course was organised to increase understanding and appreciation among participants on the efforts to strengthen integrity in the public sector. It was also a result of the memorandum of understanding between IIM and JPJ in 2005, where IIM agreed to assist JPJ in planning, executing, assessing and monitoring of the National Integrity Plan (NIP) in JPJ.



KONGRES INTEGRITI PEMIMPIN MAHASISWA 2010

Pada 11 Mei 2010, IIM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi telah mengadakan Kongres Integriti Pemimpin Mahasiswa 2010 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Tujuan utama penganjuran kongres ini adalah bagi memastikan kepimpinan mahasiswa tahu mengenai kepentingan agenda pengukuhan integriti negara. Program yang julung kali diadakan ini yang dihadiri oleh 1,200 orang pemimpin mahasiswa dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Institut Pendidikan Guru (IPG) dari seluruh negara.

Kongres ini diisi dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Prof. Dato' Dr. Zaini Ujang (Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia). Manakala, bagi sesi forum pula ianya melibatkan Prof Madya Dr Asyraf Wajdi Dato Dasuki (Head of Research Management at International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance, ISRA) and Dr. Sarjit Singh (Chief Fellow at National Youth Research Institute). Other than that, a workshop was held with groups discussing resolutions to reinforce integrity among students. The resolutions were then presented to Minister of Higher Education YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin during the closing ceremony.

CAMPUS STUDENT LEADERS' INTEGRITY CONGRESS 2010

On 11 May 2010, IIM in collaboration with the Ministry of Higher Education organised the Campus Student Leaders' Integrity Congress 2010 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC). Its main objectives were to ensure that student leaders are aware of the importance of the integrity enhancement agenda of the country. The programme which was held for the first time was attended by 1,200 student leaders from public and private higher learning institutions, polytechnics and teacher training institutes.

The congress saw a special plenary delivered by Universiti Teknologi Malaysia Vice Chancellor Prof Dato' Dr. Zaini Ujang. The forum featured Assoc Prof Madya Dr Asyraf Wajdi Dato Dasuki (Head of Research Management at International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance, ISRA) and Dr. Sarjit Singh (Chief Fellow at National Youth Research Institute). Other than that, a workshop was held with groups discussing resolutions to reinforce integrity among students. The resolutions were then presented to Minister of Higher Education YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin during the closing ceremony.

PENUBUHAN RAKAN INTEGRITI MAHASISWA (RIM)

Pada 11 Mei 2010, Y.B. Menteri Pengajian Tinggi telah melancarkan Rakan Integriti Mahasiswa (RIM). Pelancaran RIM dibuat sempena Kongres Integriti Pemimpin Mahasiswa di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Penubuhan RIM ini penting agar ianya dapat dijadikan asas dan saluran terbaik agar integriti dijadikan sebagai budaya dalam kampus selari dengan hasrat kerajaan melalui perlaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN). Adalah diharapkan agar penubuhan RIM ini dapat menjadikan ahlinya sebagai *Integrity Champion* dalam kalangan rakan sebaya di peringkat institusi pengajian masing-masing khususnya, dan masyarakat amnya.

Idea penubuhan RIM ini telah dicetuskan sendiri oleh Y.B Menteri Pengajian Tinggi di mana, pada Majlis Perasmian Penutup Pertandingan Debat Perdana Integriti 2010 di Universiti Malaysia Sabah pada 16 Mac 2010 beliau telah menyarankan agar semua IPTA menubuhkan RIM bagi membolehkan mahasiswa melaksanakan program kesedaran integriti di kampus masing-masing.

Sehingga Disember 2010, sebanyak sepuluh institut pengajian tinggi telah menubuhkan RIM. Antaranya ialah Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sains Islam Malaysia, Institut Pendidikan Guru Kampus Melewar dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah.

SETTING UP 'RAKAN INTEGRITI MAHASISWA' (RIM)

On 11 May 2010, the Minister of Higher Education launched 'Rakan Integriti Mahasiswa' (RIM) in conjunction with the Campus Student Leaders' Integrity Congress 2010 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC). The establishment of RIM was important to provide the best foundation and channel to make integrity a culture in daily campus life, in line with the government's aspiration through the National Integrity Plan (PIN). It is hoped that RIM members will become Integrity Champion especially among their peers in the institutions of higher learning and to the society as a whole.

The idea of RIM was a brainchild of the Minister of Higher Education. During the closing ceremony of the Higher Education Institution Intercampus Integrity Debate [debat perdana] Competition 2010 in Universiti Malaya Sabah on 16 March 2010, he urged all public institutions of higher learning institutions to set up RIM so that students will be able to carry out integrity awareness programmes in their own campuses.

As of December 2010, 10 institutions of higher learning have set up RIM. They are Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sains Islam Malaysia, Institut Pendidikan Guru Kampus Melewar and Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah.



KEM INTEGRITI BELIA 2010

Pada 30 April hingga 2 Mei 2010 bertempat di Dusun Eco Resort, IIM dengan kerjasama Kelab Kebudayaan dan Kesenian Sri Perdana, Kuantan, Pahang telah mengadakan Kem Integriti Belia 2010. Kem yang diadakan selama 3 hari 2 malam itu dihadiri oleh 40 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli Kelab Kebudayaan dan Kesenian Sri Perdana.

Antara objektif kem ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan dan penghayatan mengenai integriti kepada para peserta. Antara pengisian kem tersebut adalah seperti latihan dalam kumpulan (LDK), ceramah dan aktiviti gerak fizikal seperti senaman, kembara dan aktiviti menara. Kesemua modul kem ini dikendalikan sendiri oleh pegawai-pegawai IIM.

YOUTH INTEGRITY CAMP 2010

From 30 April to 2 May 2010, IIM in collaboration with Kelab Kebudayaan dan Kesenian Sri Perdana, Kuantan, Pahang held the Youth Integrity Camp 2010 at Dusun Eco Resort. The three day two night camp was attended by 40 participants, who were members of the Kelab Kebudayaan dan Kesenian Sri Perdana.

Among the objectives of the camp were to provide exposure and encourage appreciation of integrity among participants. Camp activities include group training (LDK), talks, and physical activities such as exercises, adventure and tower activities [aktiviti menara]. All camp modules were conducted by IIM officers.

KEM PEMANTAPAN MAHASISWA BERINTEGRITI 2010

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urusetia Integriti Dan Kualiti Negeri Kelantan dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia telah mengadakan Kem Pemantapan Mahasiswa Berintegriti 2010 pada 14 hingga 16 Oktober 2010 bertempat di Kem Damai, Besut, Terengganu. Kem yang diadakan selama 3 hari 2 malam itu dihadiri oleh 90 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Kolej Teknologi Darul Naim (KTD).

Pelbagai pendekatan telah dijalankan terhadap para peserta seperti ceramah, latihan dalam kumpulan dan aktiviti gerak fizikal yang melibatkan aktiviti seperti senaman, kembara dan aktiviti menara. Kesemua aktiviti ini dijalankan oleh barisan penceramah dari pelbagai jabatan, barisan fasilitator dari agensi di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan barisan jurulatih yang terdiri daripada bekas-bekas tentera.

Majlis penutup kem diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Haji Shafie Ismail, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri yang mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri bagi menyampaikan ucapan perasmian penutup dan penyampaian sijil kepada para peserta.

CAMPUS STUDENTS INTEGRITY ENHANCEMENT CAMP 2010

The Kelantan State Government Secretary's Office through the Kelantan State Quality and Integrity Secretariat and the collaboration with IIM held the Campus Students Integrity Enhancement Camp 2010 from 14 to 16 October 2010 at Kem Damai, Besut, Terengganu. The three-day, two-night camp was attended by 90 participants comprising students from Universiti Malaysia Kelantan (UMK) and Kolej Teknologi Darul Naim (KTD).

A host of activities were conducted ranging from talks to group dynamics and physical activities such as exercises, adventure and tower activities [aktiviti menara]. The programmes were led by a panel of speakers from various departments and facilitators from agencies under the Kelantan State Government Secretary's Office and former army personnel.

The closing ceremony was graced by Tuan Haji Shafie Ismail, Deputy State Secretary representing the State Secretary to present the closing speech and present certificates to participants.



KURSUS ASAS KEJURULATIHAN RAKAN INTEGRITI MAHASISWA (RIM)

Pada 12 hingga 14 Disember 2010, bertempat di IIM, Sekretariat Pusat RIM telah mengadakan Kursus Asas Kejurulatihan RIM. Kursus tiga hari dua malam ini telah dihadiri oleh 45 orang barisan kepimpinan RIM dari tujuh institut pengajian tinggi di seluruh negara. Antaranya ialah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Raja Melewar.

Tujuan kursus ini diadakan ialah untuk memberikan pendedahan mengenai agenda pengukuhan integriti nasional dalam kalangan barisan kepimpinan RIM serta menjadikannya sebagai wadah percambahan minda bagi hala tuju dan pelaksanaan RIM di peringkat IPT, dan seterusnya dapat mengeratkan hubungan jaringan atau silaturrahim dalam kalangan peserta dan Sekretariat Pusat RIM atau IIM.



'RAKAN INTEGRITI MAHASISWA' (RIM) BASIC TRAINERS' COURSE

RIM Central Secretariat held the 'Rakan Integriti Mahasiswa' (RIM) Basic Trainers' Course from 12 to 14 December 2010 at IIM. The three day two night mini course was attended by 45 RIM leaders from seven institutions of higher learning throughout the country. The students were from Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) and Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Raja Melewar.

The course aimed to provide exposure on the national integrity reinforcement agenda to the RIM leadership and an intellectual discourse for the direction and execution of RIM in institutions of higher learning, as well as to strengthen the bond and network between the RIM Secretariat and IIM.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PENERBITAN SIRI BUKU NILAI INTEGRITI

Cadangan menerbitkan Buku Enam Nilai Murni adalah hasil beberapa siri perbincangan melibatkan kumpulan fokus yang terdiri daripada pakar-pakar pendidikan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), wakil-wakil PIBG, NUTP dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan sepanjang tahun 2009.

Salah satu resolusi yang dicapai hasil daripada perbincangan tersebut ialah IIM perlu membantu menerbitkan buku-buku yang berkaitan dengan integriti sebagai bahan bacaan tambahan di sekolah. Sehubungan itu, satu projek berkaitan yang dikenal pasti ialah penerbitan buku yang menghuraikan tentang enam nilai murni yang menjadi nilai teras dalam kurikulum pendidikan di sekolah. Usaha murni ini telah mendapat kerjasama yang baik daripada KPM. KPM telah meluluskan penerbitan buku tersebut untuk diedarkan ke semua sekolah rendah dan menengah termasuk di Sabah dan Sarawak.


Bagi merealisasikan usaha ini, Majlis Menandatangani Perjanjian Penerbitan Buku Enam Nilai Murni di antara Presiden IIM, Datuk Dr. Mohd Tap Salleh dan Ketua Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka, Dato' Hj. Termuzi Abdul Aziz telah di adakan pada 30 Disember 2010 bertempat di Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

"SIRI BUKU NILAI INTEGRITI" BOOK PUBLICATION AGREEMENT SIGNING CEREMONY

The proposal to publish Enam Nilai Murni book was the result of a series of discussions involving focus groups comprising education experts, senior officials from the Education Ministry of Malaysia (KPM), parent-teacher association representatives, National Union of the Teaching Profession and non-governmental organisations throughout 2009.

One of the resolutions reached from the discussion was that IIM should assist in publishing books on integrity for supplement reading in schools. Subsequently, a relevant project identified was printing a book to explain the six noble values that form the core value in school education curriculum. This honourable effort received encouraging support from KPM. The ministry approved the publication to be distributed in all primary and secondary schools including those in Sabah and Sarawak.

To make this effort a reality, Enam Nilai Murni (Six Noble Values) Book Publication Agreement Signing Ceremony between IIM president Datuk Dr. Mohd Tap Salleh and Dewan Bahasa dan Pustaka director general Dato' Hj. Termuzi Abdul Aziz on 30 December 2010 at Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.



SEMINAR DAN BENGKEL INTEGRITI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KEMAJUAN KAMPUNG

Sebanyak 2 sesi Seminar JKJK Peringkat Negeri telah diadakan iaitu satu di Selangor pada bulan Mac 2010, melibatkan semua Pengerusi dan Setiausaha JKJK lantikan kerajaan persekutuan yang berjumlah seramai 800 orang.



Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri (Dr) Noh bin Omar, Menteri Pertanian Malaysia merangkap Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor. Seminar selama sehari ini telah dianjurkan bersama oleh IIM dan Pejabat Pembangunan Negeri Selangor dan diisi dengan sesi ceramah yang telah disampaikan oleh En. Anuar Haji Ahmad, Pengurus Sektor Sosial Budaya IIM, Y.Bhg. Datuk Zainal Abidin Borhan, Setiausaha 1 GAPENA dan Tuan Hj. Norizan Sharif, Ketua Pegawai Eksekutif INMIND Sdn Bhd yang juga merupakan mantan Setiausaha Agung, Majlis Belia Malaysia. Tujuan Seminar Pengukuhan Integriti Peringkat Negeri ini diadakan ialah bagi menerangkan kepada para pemimpin peringkat akar umbi akan kepentingan integriti terutama dalam menjalankan tanggung jawab mereka selaku pemimpin masyarakat. Seminar ini juga memberikan fokus kepada hala tuju pelaksanaan Pelan Integriti Nasional dan peranan pemimpin masyarakat selaku agen pembudayaan integriti.

Sementara itu, pada bulan Julai 2010 pula, satu lagi Seminar JKJK Peringkat Negeri Perak telah diadakan bertempat di Dewan Banquet, Bangunan Perak Darul Ridhwan dengan penyertaan seramai 460 Pengerusi JKJK dari seluruh negeri Perak. Perasmian Seminar telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Abdul Rahman Hashim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, mewakili YAB Menteri Besar Perak.

Di peringkat daerah pula, satu Bengkel Pengukuhan Integriti Pemimpin Masyarakat Daerah Ledang, Johor telah diadakan pada 5 Julai 2010 bertempat di Kolej Komuniti Ledang. Seminar usaha sama dengan IIN Johor ini telah disertai oleh seramai 70 orang ketua kampung dari Daerah Ledang, di Johor.

Seterusnya, menutup tirai tahun 2010 satu lagi Bengkel Pengukuhan Integriti peringkat Daerah Pokok Sena telah diadakan dengan penyertaan seramai 153 orang Pengerusi JKJK lantikan Kerajaan Persekutuan telah diadakan pada 29 November 2010. Seminar ini adalah anjuran bersama IIN, Institut Integriti & Pengurusan Negeri Kedah (INSPIN) dan Pejabat Pembangunan Negeri Kedah. Sebanyak 20 resolusi telah dilahirkan di bengkel tersebut melalui perbincangan dalam kumpulan. Kemuncak acara pada hari tersebut ialah ucapan penutup Seminar yang telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Othman Aziz selaku Pegawai Khas Kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah yang juga merupakan mantan Pengerusi Jawatankuasa Belia Negeri Kedah.



INTEGRITY SEMINAR AND WORKSHOP FOR VILLAGE DEVELOPMENT AND SECURITY COMMITTEE (JKKK)

Two State Level JKJK Seminars were held in Selangor in March 2010 involving all 800 JKJK chairmen and secretaries appointed by the federal government. YB Dato' Seri (Dr) Noh bin Omar, Minister of Agriculture of Malaysia and Selangor UMNO Communications Body Vice Chairman, officiated at the seminar. The one day seminar was held in collaboration between IIM and the Selangor State Development Office. A talk featuring IIM Socio-culture Sector Manager En. Anuar Haji Ahmad, GAPENA Secretary 1 Datuk Zainal Abidin Borhan and INMIND Sdn Bhd Chief Executive Officer and former Malaysia Youth Council secretary-general Tuan Hj. Norizan Sharif was held. The State Level Integrity Reinforcement Seminar was organised to explain to grassroots leaders the importance of integrity particularly in carrying out their duties as leaders in the community. The seminar also focused on the direction for the National Integrity Plan

execution and the community leaders' role as the agents of enculturing integrity.

In July 2010, the Perak State Level JKJK Seminar was held at Dewan Banquet, Bangunan Perak Darul Ridhwan with 460 JKJK chairmen from all the entire state.

Perak State Secretary YB Dato' Seri Abdul Rahman Hashim officiated at the opening ceremony on behalf of the YAB Menteri Besar of Perak.

At the district level, the Ledang District Community Leaders' Integrity Enhancement Workshop was held on 5 July 2010 at Kolej Komuniti Ledang, Johor. The seminar jointly organised with IIN Johor was attended by 70 village heads from the Ledang District in Johor.

Finally, the Pokok Sena District Integrity Enhancement Workshop closed the year 2010 with the attendance of 153 JKJK chairmen elected by the federal government. The workshop on 29 November 2010 was a collaboration between IIN, Kedah Institute of Management and Integrity (INSPIN) and the Kedah State Development Office. As a result of group discussions, a total of 20 resolutions were made. The highlight of the day was the closing speech delivered by Y.Bhg. Dato' Othman Aziz, Special Officer to the Minister of Rural and Regional Development and also the former Kedah State Youth Committee chairman.



SEMINAR PENGUKUHAN INTEGRITI INSTITUSI AGAMA

Sebanyak tiga sesi Seminar Pengukuhan Integriti institusi agama selama 3 hari 2 malam telah diadakan. Program pertama melibatkan 70 orang Imam dari masjid-masjid terpilih bagi daerah Johor Bahru dan Kulai Jaya. Para peserta telah didedahkan dengan 4 slot sesi ceramah, lawatan ke Masjid Wilayah Persekutuan serta sesi perbincangan mengenai isu-isu semasa masyarakat sepanjang program tersebut berlangsung.

Dalam pada itu, satu sesi lawatan oleh para Imam dari Terengganu juga telah diadakan dengan pengisian yang serupa, melibatkan seramai 60 orang Imam dari masjid-masjid terpilih di Terengganu.

Satu lagi program yang telah dijalankan ialah Seminar Pengukuhan Integriti untuk para belia masjid daerah Grik, Hilir Perak, melibatkan seramai 80 orang para belia. Sesi bercorak interaktif ini telah diisi dengan latihan dalam kuliah dan ceramah – ceramah integriti dari tokoh-tokoh terkenal seperti Prof Madya Dato' Dr. Mohd Ali Hassan, Pengurus Majlis Pemuafakan PIBG Nasional, Ustaz Abdul Manan Ismail, Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia dan Tuan Haji Zakariah bin Md. Sam, Ketua Pegawai Operasi, Institut Penyelidikan & Pembangunan Belia Negara. Tujuan seminar dan bengkel ini diadakan ialah bagi memberi pendedahan kepada para peserta akan agenda pembudayaan integriti negara serta isu-isu kontemporari melibatkan para belia di negara ini. Para belia juga diberikan peluang untuk memberikan pendapat melalui sesi perbincangan dalam kumpulan serta mengutarakan buah fikiran tentang kaedah dan pendekatan terbaik bagi menangani isu keruntuhan moral dalam kalangan warga belia di negara ini.

RELIGIOUS INSTITUTIONS INTEGRITY ENHANCEMENT SEMINAR

3 sessions of three-day, two-night Integrity Enhancement Seminars for religious institutions were held last year. The first programme involved 70 Imams from selected mosques from the Johor Bahru and Kulai Jaya districts. The programme included four talks, a visit to the Federal Territory Mosque and discussion sessions on community issues.

Another visitation by a group of Imams from Terengganu were held with similar activities and attended by 60 Imams from selected mosques in Terengganu.

Finally, an Integrity Enhancement Seminar was held for 80 youths from mosques in Grik district, Hilir Perak. The interactive session featured integrity talks by acclaimed personalities such as Assoc Prof Dato' Dr. Mohd Ali Hassan, Majlis Permuafakan PIBG Nasional chairman, Ustaz Abdul Manan Ismail, Universiti Sains Islam Malaysia senior lecturer, Tuan Haji Zakariah bin Md. Sam, Malaysian Institute for Youth Development Research chief executive of operations. The seminar was held to introduce participants to the national agenda to make integrity a culture as well as youth-related contemporary issues in the country. The youths also had the opportunities to voice their opinions in group discussions and share ideas on the best methods and approaches to address erosion of moral values among youths in the nation.

KURSUS TOT - PIOB JABATAN BOMBA & PENYELAMAT MALAYSIA

Sebanyak 4 sesi program bagi melatih pegawai-pegawai kanan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (JBPM) sebagai tenaga pengajar program integriti di peringkat jabatan berkenaan telah diadakan sepanjang tahun 2010 melibatkan seramai 160 orang peserta (40 orang setiap sesi). Program telah diadakan pada bulan Januari, April, Julai dan September 2010 menjadikan jumlah keseluruhan program sejak Memorandum Persefahaman (MOU) antara IIM dan JBPM dimeterai pada 20 Januari 2010 yang lalu sebanyak 8 program kesemuanya. Jumlah peserta yang terlibat ialah seramai 300 orang.

Objektif utama kursus ialah untuk melatih seramai mungkin jurulatih integriti dalam yang diharapkan akan dapat mempelopori usaha melatih lebih 13,000 warga Jabatan di seluruh pelosok tanah air. Program ini ternyata berkesan di mana Bahagian Latihan JBPM telah memilih pegawai-pegawai yang berpengalaman yang terdiri daripada Ketua Balai dan Timbalan Ketua Balai sebagai jurulatih dalam mereka bagi melatih kakitangan bawahan masing-masing.


TOT-PIOB COURSE FOR FIRE AND RESCUE DEPARTMENT MALAYSIA

Four sessions to train the Fire and Rescue Department Malaysia (JBPM) senior officers to be integrity programme trainers in the department level were held throughout 2010, involving 160 participants (40 participants per session). With the programmes held in January, April, July and September 2010, a total of eight sessions were held since the memorandum of understanding was signed in 20 January 2010. A total of 300 participants took part in these courses.

The primary objective of the course was to train as many internal integrity trainers as possible in hope to accomplish the target to train over 13,000 department staff across the nation. The programme was indeed effective as JBPM Training Division selected experienced officers comprising Brigade Chiefs and Deputy Brigade Chiefs as internal trainers to train their subordinates.

SEMINAR INTEGRITI KEKELUARGAAN

Satu sesi Seminar pengukuhan Integriti yang menghimpunkan seramai 500 orang wanita, ibu tunggal dan golongan mualaf telah diadakan pada 10 November 2010 bertempat di Stadium Tertutup di Gong Badak Terengganu. Seminar ini adalah hasil kerjasama antara IIM dan Institut Integriti Negeri Terengganu. Seminar telah dirasmikan oleh Y.A.B. isteri kepada Menteri Besar Terengganu dan di isi dengan taklimat Pelan Integriti Nasional dan sesi forum yang diberi oleh empat ahli panel yang diketuai oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam, Dekan Fakulti Pengajian Polisi dan Sains Pentadbiran UiTM. Tujuan seminar ini diadakan ialah bagi mendedahkan para peserta mengenai isu-isu integriti dalam institusi keluarga serta memberikan fokus kepada hak-hak wanita dari kaca mata undang-undang syariah dan sivil. Secara keseluruhan seminar ini telah berjaya mencapai matlamatnya di mana siri kedua Seminar ini akan diadakan sekali lagi pada tahun 2011 kelak.

FAMILY INTEGRITY SEMINAR

An integrity enhancement seminar which saw participation of 500 ladies, single mothers and mualaf were held on 10 November 2010 at Stadium Tertutup di Gong Badak Terengganu. The seminar was jointly organised by IIM and Terengganu Integrity Institute while the Menteri Besar of Terengganu's wife officiated the opening ceremony. It featured a briefing on the National Integrity Plan and a forum with four panelists led by Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam, UiTM Faculty of Administrative Science and Policy Studies dean. The seminar was held to expose participants to integrity issues in the family institutions with a focus on women's rights form the syariah and civil law perspectives. In conclusion the seminar succeeded in achieving its goals and a second Seminar will be held in 2011.

BENGKEL PENYEDIAAN SOAL SELIDIK KAJIAN IPIN 2011

Bagi mengukur akan persepsi masyarakat tentang sejauh manakah kejayaan inisiatif kerajaan di bawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), maka dua (2) sesi bengkel telah diadakan bagi membincangkan soalan-soalan baru yang menyentuh kedua-dua aspek GTP itu iaitu Gagasan 1Malaysia dan Bidang Keberhasilan Utama Kerajaan (NKRA). Sesi perbincangan pertama telah diadakan pada 2 hingga 4 Julai 2010 bertempat di Concorde Inn, KLIA, Sepang, Selangor melibatkan seramai 54 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan, pegawai program NKRA di Kementerian yang berkenaan, para akademik dan wakil-wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan yang terpilih.

Sesi kedua bengkel bagi memperhalus soal selidik Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN) telah diadakan pada 1 September 2010 bertempat di Bilik mesyuarat Utama, Unit PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri melibatkan 11 orang pegawai-pegawai yang mengetuai 6 NKRA di Kementerian masing-masing. Satu indeks baru bagi mengukur tahap pencapaian pelaksanaan NKRA akan dibangunkan apabila proses pengumpulan data selesai pada pertengahan tahun 2011 kelak. Tiada kajian IPIN telah dilaksanakan pada tahun 2010 di mana kali terakhir IIM mengendalikan Kajian IPIN ialah pada tahun 2009.

IPIN SURVEY PREPARATION WORKSHOP 2011

To measure the public's perception on how successful are the government initiatives under the Government Transformation Plan (GTP), two workshops were held to discuss new questions based on the two aspects of GTP, which are the 1Malaysia Concept and National Key Results Area (NKRA). The first discussion with 54 participants was held from 2 to 4 July 2010 at Concorde Inn, KLIA, Sepang, Selangor. The participants were senior officers from relevant government departments, NKRA programme officers in various ministries, academicians and representatives from selected non-governmental organisations.

The second session to refine the National Integrity Perception Index (IPIN) Survey questionnaire was held on 1 September 2010 at Bilik Mesyuarat Utama, PEMANDU Unit, Prime Minister's Department. Eleven officers who are head of the six NKRA under various ministries attended the consultation. A new index to measure the achievement level of the NKRA execution will be formulated in the future when the data collection process ends by mid-2011. The Survey was not conducted in 2010; the last IPIN Survey carried out by IIM was in 2009.



Sektor Politik

Political Sector

PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS BAGI MEMOHON PANDANGAN UNTUK MENJAYAKAN PROGRAM SEKTOR POLITIK BAGI TAHUN 2010

Perbincangan dengan kumpulan fokus telah pun diadakan pada 28 Januari 2010 di IIM. Perbincangan ini telah pun dihadiri seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada ahli akademik, ahli politik, wakil jabatan dan juga wakil Institut Integriti Negeri.

Perbincangan ini dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu kumpulan 1 membincangkan tajuk Kualiti Hidup, kumpulan 2 Belia / IPTA / Golongan Muda, kumpulan 3, Ahli Politik / parti politik / PBT) manakala kumpulan 4 membincangkan tajuk Integriti Politik. Segala input yang diperolehi daripada sesi ini akan dijadikan panduan dalam merencana aktiviti dan program untuk Sektor Politik.

FOCUS GROUP DISCUSSION TO GATHER OPINIONS ON THE POLITICAL SECTOR PROGRAMMES FOR YEAR 2010

The focus group discussion was held on 28 January 2010 at IIM. The discussion was attended by 31 participants comprising of academicians, politicians, department representatives as well as representatives from State Integrity Institute.

They were divided into 4 groups. Group 1 discussed on the topic Quality of Life, Group 2 Youth/Higher learning institutions/ Young people, Group 3 Politicians/ Political party/ Local authorities, and Group 4 Political integrity. Input from the session became a guide in planning activities and programmes for the Political Sector.



MAJLIS MENANDATANGANI MoU ANTARA INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA DENGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Dalam usaha berterusan IIM untuk membudayakan integriti kepada semua lapisan masyarakat, khususnya kepada agensi kerajaan, satu majlis menandatangani MoU antara IIM dengan Kementerian dalam Negeri (KDN) telah diadakan pada 3 Mac 2010. Majlis menandatangani MoU ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg Datuk Dr. Mohd Tap Salleh mewakili IIM dan Y. Bhg. Dato' Abdul Rahman bin Othman mewakili KDN.

Melalui Memorandum Persefahaman ini IIM dan KDN akan bekerjasama memenuhi teras tumpuan Tindakan Strategik Pelan Integriti KDN (PIKDN) bagi pemantapan integriti warga demi mencapai visi dan misi Kementerian: Perkhidmatan Berintegriti; Bagi memastikan gerakan pemantapan integriti berjalan lancar dan mencapai matlamatnya, kerjasama ini meliputi; Penyediaan kurikulum latihan dan pendidikan integriti kepada semua anggota; Kempen kesedaran integriti dalam kalangan semua anggota jabatan; Modul asas integriti pada tahap Kursus Asas Pegawai KDN; dan Rangkaian kerjasama dengan Agensi Kerajaan, NGO, sektor swasta dan masyarakat awam.

PROGRAM TOT BERSAMA PASUKAN PETUGAS INTEGRITI, KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

Program ini telah diadakan di Le Paris Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 8-10 April 2010. Seramai 27 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Bahagian / Unit di Kementerian Dalam Negeri telah menghadiri program ini.

Bengkel ini mempunyai 8 slot ceramah yang mendedahkan dan melatih para peserta tentang konsep integriti serta bagaimana sumbangan yang mereka boleh mainkan dalam usaha memantapkan integriti dalam bahagian dan unit mereka. Satu sesi khas bersama Y. Bhg. Tan Sri Sulaiman Mahbob, Mantan Ketua Pengarah EPU telah diadakan untuk berkongsi pengalaman beliau dalam hal-hal pengurusan berintegriti. Menerusi program ini, para peserta diharap akan menjadi "Duta Integriti" dan akan bersama-sama membantu IIM dan KDN untuk memberi penerangan kepada semua kakitangan KDN yang lain.

MoU SIGNING CEREMONY BETWEEN IIM AND THE MINISTRY OF HOME AFFAIRS

In IIM's continuous effort to make integrity a culture in all levels of society, particularly in government agencies, an MoU signing ceremony between IIM and the Ministry of Home Affairs (MOHA) was held on 3 March 2010. The ceremony was graced by Y. Bhg Datuk Dr. Mohd Tap Salleh representing IIM and Y. Bhg Dato' Abdul Rahman bin Othman representing MOHA.

Through this Memorandum of Understanding, IIM and MOHA will work together to fulfil the core focus of the MOHA Integrity Action Strategic Plan (PIKDN) to enhance integrity of the staff towards achieving the ministry's vision and mission: Service with Integrity. To ensure the integrity enhancement movement runs smoothly and reaches its goals, the partnership involves: developing training curriculum and integrity education to all members; integrity awareness campaign among all department staff; basic integrity module at MOHA Officers Basic Course; and co-operation network with government agencies, NGOs, private sectors and the public.

TOT PROGRAMME WITH INTEGRITY OFFICERS, MINISTRY OF HOME AFFAIRS

This programme was held at Le Paris Hotel, Port Dickson Negeri Sembilan on 8-10 April 2010. 27 participants comprising of Ministry of Home Affairs units and divisions staff attended the event.

The workshop featured 8 talks which exposed and trained participants on the integrity concept and how their contribution could play a role in enhancing integrity in their unit and division. A special session with the former EPU director-general Y. Bhg. Tan Sri Sulaiman Mahbob was organised for the speaker to share his experience on management with integrity issues. Through this programme, it is hoped that participants would become "Integrity Ambassadors" and help IIM and MOHA to bring the message of integrity to other staff members.



FORUM KEPIMPINAN BERKUALITI AHLI MAJLIS PBT SIBU

Forum Kepimpinan Berkualiti Ahli Majlis PBT Zon Tengah Sibu, Sarawak telah berlangsung pada 8 Mac 2010 bertempat di RH Hotel Sibu, Sarawak. Program yang dihadiri seramai 88 orang peserta ini adalah kerjasama dengan Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Tujuan mengadakan Forum ini adalah untuk memperkuuhkan lagi pemahaman dan penghayatan integriti dalam kalangan Ahli-ahli Majlis PBT yang diamanahkan dengan kuasa dan tanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan masyarakat setempat. Di samping itu, sebagai "Pemimpin Tempatan Terpenting", Ahli-ahli Majlis juga perlu mengetahui peranan dan tanggungjawab masing-masing dari perspektif Jabatan Kerajaan Tempatan yang mempunyai tanggungjawab dalam merangka dasar dan akta kemajuan Kerajaan Tempatan. Selain itu, ahli-ahli majlis PBT juga perlu memahami dan menghayati peranan Ahli Majlis dalam usaha mengekalkan sistem penyampaian berintegriti dari perspektif Laporan Audit Negara.

Permulaan sesi program, Encik Mark Noel Bonchol, Pengarah Sektor Politik, IIM telah menyampaikan ceramah bertajuk 'Peranan IIM Dalam Membudayakan Integriti Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia'. Selepas itu diikuti sesi taklimat daripada YB. Dato Sri Wong Soon Koh, Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam, Sarawak. Forum Sesi I dan II bertajuk 'Peranan Ahli Majlis Dalam Membantu Mengekalkan Sistem Penyampaian Yang Berintegriti Dari Perspektif Laporan Audit Negara' disampaikan oleh En. Khalid Khan bin Abdullah Khan, Pengarah Audit Negeri Sarawak manakala tajuk kedua 'Peranan dan Tanggungjawab Ahli Majlis PBT' dan ahli panel yang terlibat ialah Y.Bhg. Dato' Jamry bin Sury, Pengarah, Bahagian Dasar & Kemajuan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ucapan Majlis Penutupan program disampaikan oleh Y. Bhg. Datu Abdul Ghafur bin Shariff, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Sumber Manusia) dan diikuti dengan Pembentangan Resolusi oleh wakil peserta.

SIBU LOCAL GOVERNMENT MEMBERS QUALITY LEADERSHIP FORUM

Sibu Central Zone Local Government Members Quality Leadership Forum was held on 8 March 2010 at RH Hotel Sibu, Sarawak. The programme attended by 88 participants was a partnership with the Sarawak Chief Minister's Department. The forum objective was to promote understanding and appreciation of integrity among local council members who are entrusted with the power and responsibility to take care of the well-being of the locals. Other than that, as the "Most Important Local Leader", council members also need to know their respective role and responsibility from the perspective of a local authority that has the responsibility to formulate policies and acts for the development of the local council. In addition, they also need to have a good grasp and appreciate the duties of council members in delivering a service with integrity from the National Audit Report perspective.

Mr Mark Noel Bonchol, IIM Political Sector director, delivered the first talk entitled 'IIM's Role in Making Integrity a Culture among Malaysians'. It was then followed by a briefing by YB Dato Wong Soon Koh, Second Finance Minister and Minister of Environment and Public Health, Sarawak. During the forum session I and II, Mr Khalid Khan bin Abdullah Khan, Sarawak state audit director spoke on 'Roles of Council Members in Maintaining a Delivery System with Integrity from the National Audit Report Perspective'. The second topic on 'Roles and Responsibilities of Local Council Members' featured Y. Bhg. Dato' Jamry bin Sury, director of Local Government Policy and Development Division, Ministry of Housing and Local Government.

The closing ceremony was officiated by Y. Bhg. Datu Abdul Ghafur bin Shariff, Deputy State Secretary (Human Resources) followed by Resolution Presentation by participants.

PERTANDINGAN PIDATO INTEGRITI PIALA MENTERI PELAJARAN ANTARA INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)

Pertandingan Pidato Integriti Piala Menteri Pelajaran Malaysia antara Institut Pendidikan Guru peringkat kebangsaan buat julung kalinya telah diadakan pada 4-6 April 2010, bertempat di IIM. Tema pertandingan kali pertama ini ialah, "Pendidik Berintegriti, Masyarakat Dihormati, Negara Disanjungi". Pertandingan ini adalah anjuran IIM dengan kerjasama IPG Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai.

Seramai 24 orang peserta yang terpilih daripada lima zon telah bertemu di peringkat kebangsaan ini. Zon-zon tersebut ialah Zon Utara, Zon Tengah dan Selatan, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Pertandingan dibahagikan kepada dua pusingan, iaitu pusingan pertama pidato teks (disediakan lebih awal) dan pusingan kedua pidato spontan. Lima orang peserta terbaik telah bertanding pada pertandingan akhir pada 6 April 2010.

Mohd Ariff Aizuddin Abdullah dari IPG Kampus Sultan Mizan telah menjadi johan dan Mohd Rafee Mohamad dari IPG Kampus Pendidikan Islam naib johan. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran II, YB Dr. Puad Zakarshi.

MINISITER OF EDUCATION INTEGRITY ELOCUTION CONTEST FOR TEACHER TRAINING INSTITUTES

The national level Minister of Education Integrity Elocution Contest for Teacher Training Institutes was held for the first time on 4-6 April 2010 at IIM. The theme of the contest was "Pendidik Berintegriti, Masyarakat Dihormati, Negara Disanjungi". The contest was organised by IIM with the co-operation of IPG Kampus Bahasa Melayu in Lembah Pantai.

Twenty-four participants selected from five zones met at the national level contest this year. The zones were: Northern, Central, South, East, Sabah and Sarawak. The contest was divided into two rounds: the first round which was prepared speech while the second round was spontaneous speech. Five of the best participants advanced into the finals on 6 April 2010.

Mohd Ariff Aizuddin Abdullah from Sultan Mizan teacher training institute emerged champion while Mohd Rafee Mohamad from Islamic Education Campus teacher training institute [IPG Kampus Pendidikan Islam] was the first runner-up. The prize giving ceremony was graced by the Deputy Education Minister II, YB Dr. Puad Zakarshi.

FORUM KEPIMPINAN BERKUALITI AHLI MAJLIS PBT NEGERI SEMBILAN

IIM dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Sembilan telah pun menganjurkan program Forum Kepimpinan Berkualiti Ahli Majlis PBT Negeri Sembilan pada 13 April 2010 bertempat di Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan. Program ini telah dihadiri seramai 58 orang peserta. Tujuan mengadakan Forum itu ialah untuk meningkatkan kesedaran dalam Ahli-ahli Majlis PBT mengenai kepentingan pengamalan nilai-nilai murni memandangkan Ahli-ahli Majlis PBT merupakan Pemimpin Tempatan yang terpenting yang bertanggungjawab menjaga kesejahteraan masyarakat tempatan.

Program dimulakan dengan Sesi Khas: Pengukuhan Integriti Tanggungjawab Bersama oleh En. Mark Noel Bonchol Pengarah, Sektor Politik IIM. Forum pertama dimulakan dengan tajuk "Peranan dan Tanggungjawab Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan sebagai Pemimpin Tempatan" oleh Y. Brs. Dr. Goh Ban Lee, mantan Ahli Majlis Pulau Pinang. Seterusnya diikuti dengan perbincangan kumpulan (berdasarkan kepada soalan yang disediakan), pembentangan hasil perbincangan dan juga rumusan pembentang. Manakala forum kedua Pengurusan Organisasi dari Perspektif Jabatan Audit Negara Malaysia. Ahli panel yang terlibat ialah Y. Bhg. Dato' Haji Anwari bin Suri Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri) Jabatan Audit Negara Malaysia.

Pembentangan hasil perbincangan Forum diakhiri dengan pembentangan resolusi oleh wakil Ahli Majlis. Majlis diakhiri dengan kata-kata Aluan oleh Y. Brs. Dr. A. Bakar Sarpon, Timbalan Presiden IIM dan juga ucapan Perasmian Majlis Penutup oleh Y.B Dato' Haji Mat Ali bin Hassan iaitu SUK Negeri Sembilan.

NEGERI SEMBILAN LOCAL GOVERNMENT MEMBERS QUALITY LEADERSHIP FORUM

IIM with the co-operation of the Negeri Sembilan State Secretary Office organised the Negeri Sembilan Local Government Members Quality Leadership Forum on 13 April 2010 at Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan. The programme was attended by 58 participants with the aim of increasing awareness among local council members on the importance of practicing noble values as they are the most important Local Leaders in ensuring the wellbeing of the local society.

The programme kicked off with a special session on Enhancing Integrity A Shared Responsibility by Mr Mark Noel Bonchol, director of IIM Political Sector. The first forum entitled the Roles and Responsibilities of Local Council Members as Local Leaders was taken by Y. Brs. Dr Goh Ban Lee, former local council member in Penang. Up next was a group discussion based on selected topics, presentation of discussion findings and a summary of findings. The second forum on Organisation Management from National Audit Department of Malaysia Perspective was presented by Y. Bhg. Dato' Haji Anwari bin Suri, Deputy Auditor General (State), National Audit Department.

Presentation of the forum discussion results was concluded with a resolution presentation by the council member representative. The programme was brought to a close with a speech from Y. Brs. Dr. A. Bakar Sarpon, IIM deputy president while Y.B. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, Negeri Sembilan State Secretary, officially closed the event.



FORUM KEPIMPINAN BERKUALITI AHLI MAJLIS PBT PERAK

Forum Kepimpinan Berkualiti Ahli Majlis PBT Perak telah dianjurkan oleh IIM dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak pada 15 April 2010 bertempat di Dewan Banquet, Pejabat SUK Negeri Perak dan telah berjaya menarik seramai 286 orang peserta.

Tujuan mengadakan forum ini adalah untuk memperkuuhkan lagi pemahaman dan penghayatan integriti dalam kalangan Ahli-ahli Majlis PBT yang diamanahkan dengan kuasa dan tanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan masyarakat setempat.

Keseluruhannya, program ini dilihat mampu memberi input yang berguna kepada seluruh peserta yang hadir. Hasil daripada perbincangan dapat dilihat akan keupayaan peserta memberi cadangan serta harapan kepada mutu perkhidmatan ahli majlis.

Dari pemerhatian pihak pengajur, program ini telah sedikit sebanyak menarik minat para peserta untuk mendalami lagi elemen integriti dan ini terbukti dengan adanya sesi soal jawab dan perbincangan yang mendalam, sehingga masa yang diperuntukkan tidak mencukupi. Kedua-dua PBT yang hadir juga memohon agar beberapa siri program susulan perlu diadakan terutamanya kepada Ahli-ahli Majlis yang baru dilantik. Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Zambray bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak.

PERAK LOCAL GOVERNMENT MEMBERS QUALITY LEADERSHIP FORUM

The Perak Local Government Members Quality Leadership Forum was organised by IIM with the co-operation of the Perak State Secretary on 15 April 2010 at Dewan Banquet, Perak State Secretary's Office and succeeded in drawing 286 participants.

The forum aimed at reinforcing understanding and appreciation of integrity among local authority council members who have been entrusted with the power and responsibility to ensure the well-being of the people.

On the whole, the programme was able to provide useful input to the participants. The outcome from the discussion was thought to be able to give suggestions and hope to the service quality of the local councils.

From the organiser's observation, the programme has in various ways piqued the interest of participants to appreciate integrity more as could be seen in a vibrant question and answer session which went beyond time allocated. The two participating local authorities requested for a series of follow-up programmed especially for newly appointed local council members. Perak Menteri Besar Y.A.B Dato' Seri Dr. Zambray bin Abd. Kadir officiated at the closing ceremony.

PERSIDANGAN MEJA BULAT INTEGRITI POLITIK BERSAMA PERGERAKAN PUTERI UMNO MALAYSIA 2010

Program "Persidangan Meja Bulat Integriti Politik Bersama Pergerakan Puteri UMNO Malaysia 2010" telah berlangsung pada 1 Ogos 2010 di Dewan Annex, UiTM, Shah Alam, Selangor dan dihadiri seramai 108 orang kepimpinan Puteri UMNO peringkat negeri dan 50 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

Objektif utama dialog ini ialah sebagai platform untuk ahli-ahli Puteri UMNO berbincang dan mengeluarkan pandangan akan keadaan tahap moral dan integriti dalam amalan berpolitik sekarang ini.

THE ROUNDTABLE ON POLITICAL INTEGRITY WITH PERGERAKAN PUTERI UMNO MALAYSIA 2010

The Roundtable on Political Integrity with Pergerakan Puteri UMNO Malaysia 2010 was held on 1 August 2010 at Dewan Annex, UiTM, Shah Alam, Selangor and was attended by 108 Puteri UMNO state-level leaders and 50 student council representatives from higher learning institutions in Selangor and Kuala Lumpur.

The main objective of the dialogue was to provide a platform for Puteri UMNO members to discuss and voice their opinions on the level of moral and integrity in the political arena today.

FORUM KEPIMPINAN BERKUALITI BERSAMA AHLI-AHLI POLITIK DI PERINGKAT AKAR UMBI DI KAWASAN PARLIMEN NEGERI KEDAH

Forum Kepimpinan Berkualiti bersama Ahli-ahli politik peringkat akar umbi kawasan Parliment Negeri Kedah adalah merupakan program kerjasama Sektor Politik (IIM) dan Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Darul Aman (INSPIN). Program ini berlangsung pada 29 April 2010 bertempat di Auditorium RTM, Jalan Kuala Kedah dan telah berjaya menarik seramai 192 orang peserta.

Tujuan mengadakan Forum ini adalah untuk menyentuh betapa pentingnya Ahli Politik sebagai role model kepada masyarakat selain turut memberikan penjelasan dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai Pelan Integriti Nasional serta isu-isu integriti, khususnya integriti politik.

Antara isu yang dibincangkan semasa sesi perbincangan dan soal jawab antaranya; Ahli-ahli politik memainkan peranan yang penting dalam menentukan hala tuju sesebuah negara dalam apa jua bidang seperti penggubalan undang-undang, pelantikan jawatan-jawatan utama dalam negara seperti Ketua Hakim Negara, penentuan dasar-dasar perkhidmatan awam dan sebagainya. Di samping itu Ahli Politik ini juga menentukan dan mencerminkan budaya masyarakat sesebuah negara. Untuk melaksanakan tugas ini dengan sempurna, seharusnya pemimpin dan ahli-ahli politik mempunyai moral, akhlak dan integriti yang tinggi. Ahli politik digesa memberikan contoh teladan yang baik kepada masyarakat. Pemimpin politik juga tidak boleh hanya menyalahkan masyarakat semata-mata yang sentiasa memberikan tekanan dan desakan kewangan terutamanya waktu-waktu pilihan raya. Majlis penutup disempurnakan oleh Y.B. Ahmad bin Kassim selaku Ahli Parliment Kuala Kedah.


KEDAH PARLIAMENTARY CONSTITUENCY GRASSROOTS POLITICIANS QUALITY LEADERSHIP FORUM

The Quality Leadership Forum for grassroots politician in Kedah parliamentary constituencies was held in partnership between IIM Political Sector and Kedah Darul Aman Institute of Management and Integrity (INSPIN). The programme was held on 29 April 2010 at Auditorium RTM, Jalan Kuala Kedah and attended by 192 participants.

The forum was held to show how important politicians are as role models to the public, apart from giving a deeper understanding on the National Integrity Plan and other integrity issues, especially political integrity.

Among the issues discussed in the discussion and question and answer sessions were: politicians play a vital role in determining the country's direction in all fields such as lawmaking, appointing main positions in the country such as the Chief Justice, determining the public service policies and many more. Politicians are also to shape and reflect the culture of the country. Hence to improve this, they should have high morals, integrity and noble character. The politicians were urged to show good examples to the public. They must not blame the public alone for pressuring them to give financial providence especially during election periods. Kuala Kedah MP Y.B. Ahmad bin Kassim closed the forum.



SIRI SYARAHAN INTEGRITI BERSAMA TUN ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI

Siri Syarahan Integriti ini telah diadakan pada 25 Mei 2010 di Auditorium Integriti IIM dan telah dihadiri seramai 600 orang peserta. Program ini adalah yang julung kali diadakan dan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi adalah tokoh pertama yang diundang untuk siri syarahan ini.

Tajuk syarahan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi ialah "Integriti: Satu Perkongsian Pengalaman". Dalam syarahan beliau, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah menekankan bahawa integriti adalah elemen yang paling penting dalam menentukan kejayaan seseorang itu dalam apa jua bidang yang diusahakan. Prof Madya Dr. Sivamurugan Pandian dari Universiti Sains Malaysia pula sebagai moderator program.


INTEGRITY SPEECH SERIES WITH TUN ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI

The Integrity Speech Series was held on 25 May 2010 at Auditorium Integrity IIM with a 600-strong audience. The programme held for the first time saw Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi as the first leader to be featured.

YAB Tun Abdullah presented a speech entitled "Integriti: Satu Perkongsian Pengalaman". In his speech, he emphasised that integrity is the most important element in ensuring the success of a person in everything he or she does. Prof Madya Dr. Sivamurugan Pandian from Universiti Sains Malaysia was the moderator.

BENGKEL PELAN TINDAKAN: MENTERJEMAHKAN RESOLUSI FORUM PENGUKUHAN INTEGRITI AHLI MAJLIS PIHK BERKUASA TEMPATAN (PBT) JOHOR

IIM dengan kerjasama Institut Integriti, Kepimpinan dan Latihan Semangat (IKLAS), Yayasan Warisan Johor dan Kerajaan Tempatan Johor telah pun mengadakan program seperti di atas pada 27 Mei 2010 bertempat di Hotel M-Suites, Johor Bahru, Johor dan dihadiri seramai 87 orang peserta. Tujuan mengadakan program ini ialah untuk meneliti dan menyediakan cadangan pelan tindakan kepada resolusi-resolusi yang diterima melalui program-program Pengukuhan Integriti Bersama Ahli Majlis PBT Johor yang dianjurkan oleh IIM dengan kerjasama IKLAS sepanjang tahun 2008 dan 2009.

Program dimulakan dengan Ucapan Aluan oleh Tuan Haji Salleh bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Pentadbir IKLAS Yayasan Warisan Johor. Seterusnya diikuti dengan sesi ceramah khas bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab PBT untuk Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat' oleh Y. Bhg. Dato' Haji Jamry bin Sury, Pengarah Bahagian Dasar dan Kemajuan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Seterusnya sesi bengkel diselaraskan oleh Tuan Haji Kassim bin Thukiman, wakil dari Yayasan Warisan Johor dan diikuti dengan perbincangan kumpulan dan juga pembentangan hasil perbincangan. Rumusan bengkel pula disampaikan oleh Ketua Penolong Setiausaha, SUK Kerajaan Tempatan. Ucapan Majlis Penutupan disampaikan oleh Y. Brs. Dr. A. Bakar bin Sarpon, Timbalan Presiden, Institut Integriti Malaysia dan seterusnya diikuti dengan Majlis Penutupan Rasmi oleh YB Datuk Hj. Ahmad Zahari Jamli, EXCO Kerajaan Johor

ACTION PLAN WORKSHOP: TRANSLATING THE JOHOR LOCAL GOVERNMENT MEMBERS INTEGRITY ENHANCEMENT FORUM RESOLUTION

IIM with the co-operation of Institut Integriti, Kepimpinan dan Latihan Semangat (IKLAS), Yayasan Warisan Johor and Johor local government held the programme above with 87 participants. The aim of this programme was to scrutinise and propose action plans for the resolutions received in the various Integrity Enhancement Programmes with Johor Local Government Council Members organised by IIM with the co-operation of IKLAS from 2008 to 2009.



The programme began with a welcoming speech by Tuan Haji Salleh bin Haji Ahmad, deputy chief registrars of IKLAS, Yayasan Warisan Johor. This was followed by a speech entitled The Roles and Responsibilities of Local Authorities to Improve the Quality of Life of the Public by Y. Bhg. Dato' Haji Jamry bin Sury, director of Local Government Policy and Development Division, Ministry of Housing and Local Government. Then, a workshop coordinated by Tuan Haji Kassim bin Thukiman, representative from Yayasan Warisan Johor took place, followed by a group discussion and presentation of findings. The workshop summary was presented to the Chief Assistant Secretary, Local Government Secretary's Office. The closing ceremony speech was presented by Y. Brs. Dr. A. Bakar bin Sarpon, IIM vice president while Johor state EXCO, YB Datuk Hj. Ahmad Zahari Jamli officiated at the closing ceremony.

**PROGRAM KEPIMPINAN WANITA BERINTEGRITI
2010**

Program ini diadakan pada pada 26 Jun 2010 bertempat di Camar Laut (LKIM), Kampung Bagan Lalang, Sungai Pelek, Sepang, Selangor. Program ini adalah merupakan program kerjasama Institut Perkembangan Minda (INMIND) Selangor.

Antara isu yang dibangkitkan ialah berkenaan peranan wanita yang selari dengan sosioekonomi semasa di mana mereka lebih aktif dalam pelbagai bidang dan kepakaran. malah terdapat beberapa tokoh wanita dan pemimpin wanita yang menunjukkan prestasi cemerlang seperti golongan lelaki sama ada di sektor awam atau pun swasta. Peranan wanita yang mencabar dan berintegrasi ini perlu diberi pengukuhan dari sudut ilmu, kemahiran dan motivasi agar menjadi pemimpin yang berintegriti, berdedikasi, amanah dan seterusnya menjadi isteri dan pendidik kepada anak-anak.

Program seterusnya diakhiri dengan ucapan perasmian penutupan oleh Y. Brs. Dr. A. Bakar bin Sarpon, Timbalan Presiden IIM dan seterusnya ucapan perasmian penutup oleh YB. Dato' Ir. Mohd. Zin Mohamed, Ahli Parlimen Sepang, Selangor.


**WOMEN LEADERS WITH INTEGRITY PROGRAMME
2010**

This programme was held on 26 June 2010 at Camar Laut (LKIM), Kampung Bagan Lalang, Sungai Pelek, Sepang, Selangor. It was held jointly with the Institut Perkembangan Minda (INMIND) Selangor.

Among the issues raised were on the role of women in line with the current socio-economic scenario where they are more active in every field and expertise. There are in fact a few female figures and women leaders who displayed excellence as their male counterparts whether in public or private sectors. The challenging and integrated role of women need to be reinforced in the aspects of education, skills and motivation so that they may become leaders of integrity, dedication, trustworthiness while playing the role as wives and educators at home.

The programme was closed with a speech by Y. Brs. Dr. A. Bakar bin Sarpon, IIM vice president while Sepang MP YB. Dato' Ir. Mohd. Zin Mohamed officially closed the event.

**FORUM KEPIMPINAN BERKUALITI AHLI MAJLIS
PBT ZON UTARA NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Forum Kepimpinan Berkualiti Ahli Majlis PBT Zon Utara Negeri Kedah telah diadakan pada 15 Julai 2010 di Hotel Regency, Alor Setar, Kedah dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (Bahagian Kerajaan Tempatan) dan Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Darul Aman (INSPIN). Seramai 125 ahli Majlis PBT yang mewakili Majlis Daerah Kubang Pasu, Kota Setar, Pendang, Padang Terap, Langkawi dan Yan telah menghadiri program sehari tersebut.

Tujuan program seperti ini diadakan adalah untuk menerapkan kepentingan pengamalan nilai-nilai murni dan integriti dalam kalangan Ahli-ahli Majlis, memberi pendedahan kesan-kesan buruk akibat penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan amalan-amalan yang tidak berintegriti kepada masyarakat dan negara dan memupuk cara berfikiran yang ditunjang oleh nilai-nilai integriti berpandukan kepada ajaran agama, tamadun manusia dan peradaban tinggi bagi membentuk ahli majlis yang bersih.

Program ini telah menjadi platform kepada semua Ahli Majlis yang hadir untuk berkongsi maklumat dan berbincang serta mengenal pasti isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan dalam usaha menyampaikan perkhidmatan terbaik. Hasil perbincangan kumpulan telah dibentangkan oleh wakil kumpulan pada akhir sesi perbincangan. Majlis berakhir dengan pembentangan Resolusi dan juga Majlis Perasmian Penutup yang disampaikan oleh YB Dato' Haji Ir. Phahrolrazi bin Haji Mohd Zawawi, Pengurus Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya, Pembangunan Luar Bandar dan Membasmi Kemiskinan, Negeri Kedah.

**KEDAH DARUL AMAN NORTHERN ZONE LOCAL
GOVERNMENT MEMBERS QUALITY LEADERSHIP
FORUM**

The Kedah Northern Zone Local Government Members Quality Leadership Forum was held on 15 July 2010 at Regency Hotel, Alor Setar, Kedah with the co-operation of the Kedah State Secretary's Office (Local Government Division) and Kedah Institute of Management and Integrity (INSPIN). One hundred and 25 local council members representing Kubang Pasu, Kota Setar, Pendang, Padang Terap, Langkawi and Yan local authorities participated in the forum.

The programme aimed to instil the awareness on the importance of practicing noble values and integrity among local council members, expose the negative impacts of corruption, abuse of power and dishonest practices to the society and country, and encourage a mindset based on integrity values based on religious teaching, human civilisation and high morals to form a clean council member.

The programme became a platform for all participating council members to share information, discuss and identify issues, challenges and suggestions to improve the effort for the best service delivery. Results from the discussion were presented by group representatives at the end of the session.

The forum ended with the resolution presentation and a closing ceremony graced by YB Dato' Haji Ir. Phahrolrazi bin Haji Mohd Zawawi, chairman of the Permanent Committee for Kedah State Housing and Local Government, Works, Rural Development and Poverty Eradication.

FORUM KEPIMPINAN BERKUALITI AHLI MAJLIS PBT NEGERI TERENGGANU

IIM dengan kerjasama Institut Integriti Negeri Terengganu telah menganjurkan Forum Kepimpinan Berkualiti Ahli Majlis PBT Terengganu pada 27 Julai 2010 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negeri, Kuala Terengganu, Terengganu dan dihadiri seramai 65 orang peserta.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Majlis PBT yang mewakili parti-parti komponen Barisan Nasional Johor untuk memahami dan menghayati nilai-nilai integriti dan seterusnya memberi kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin-pemimpin tempatan.

Antara resolusi forum ini adalah: Ahli Majlis PBT perlu peka dan mengutamakan kepentingan penduduk setempat dari segi memastikan tahap kehidupan yang baik, keselamatan penduduk, infrastruktur yang baik, kebersihan kawasan dan sebagainya. Ahli majlis PBT adalah umpama wakil rakyat kecil yang mewakili rakyat. Justeru itu, mereka perlu membantu rakyat menyelesaikan masalah dengan melaporkan kepada pihak kerajaan negeri, sentiasa menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan ahli PBT dan mendidik rakyat supaya lebih memahami tugas-tugas Ahli Majlis PBT.

TERENGGANU LOCAL GOVERNMENT MEMBERS QUALITY LEADERSHIP FORUM

IIM with the co-operation of the Terengganu State Integrity Institute organised The Terengganu Local Government Council Members Quality Leadership Forum on 27 July 2010 at Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negeri, Kuala Terengganu, Terengganu with 65 participants.

The aim of the programmes was to provide opportunities for council members representing Barisan Nasional component parties in Johor to understand and appreciate integrity values and give awareness on their roles and responsibilities as local leaders.

Among the resolutions in the forum are: local council members should be sensitive to and prioritise the people's interest by ensuring a good quality of life, safety, beneficial infrastructure, clean surroundings and more. Local council members are like a small representative who stands on behalf of the people. Therefore they must help the public resolve issues by reporting them to the state government, always practice noble values and educate the people to understand their roles as local council members.


FORUM KEPIMPINAN BERKUALITI AHLI MAJLIS PBT ZON SELATAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Forum Kepimpinan Berkualiti Ahli Majlis PBT Zon Selatan Negeri Kedah telah diadakan pada 5 Ogos 2010, di Hotel SP Inn, Sungai Petani, Kedah dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (Bahagian Kerajaan Tempatan) dan Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Darul Aman (INSPIN). Seramai 58 ahli Majlis PBT yang mewakili Majlis Daerah Baling, Majlis Daerah Sungai Petani, Majlis Daerah Sik, Majlis Daerah Bandar Baru, Majlis Daerah Kulim dan Majlis Daerah Kulim High-Tech telah menghadiri program sehari tersebut.

Tujuan mengadakan Forum ini adalah untuk memperkuatkan lagi pemahaman dan penghayatan integriti dalam kalangan Ahli-ahli Majlis PBT yang diamanahkan dengan kuasa dan tanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan masyarakat setempat. Di samping itu, sebagai 'Pemimpin Tempatan Terpenting', Ahli-ahli Majlis juga perlu mengetahui Peranan dan Tanggungjawab masing-masing dari perspektif Jabatan Kerajaan Tempatan yang mempunyai tanggungjawab dalam merangka dasar dan akta kemajuan Kerajaan Tempatan. Selain itu, ahli-ahli majlis PBT juga perlu memahami dan menghayati peranan Ahli Majlis dalam usaha mengekalkan sistem penyampaian berintegriti dari perspektif Laporan Audit Negara.

Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YB. Dato' Hj. Mohamed Taulan bin Mat Rasul, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Agama, Pelajaran dan Koperasi Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman yang dijemput untuk menyempurnakan majlis penutupan.

KEDAH DARUL AMAN SOUTHERN ZONE LOCAL GOVERNMENT COUNCIL MEMBERS QUALITY LEADERSHIP FORUM

The Kedah Southern Zone Local Government Council Members Quality Leadership Forum was held on 5 August 2010 at SP Inn Hotel, Sungai Petani, Kedah with the co-operation of the Kedah State Secretary's Office (Local Authority Division) and Kedah Institute of Management and Integrity (INSPIN). A total of 59 local council members representing Baling, Sungai Petani, Sik, Bandar Baru, Kulim and Kulim High-Tech local authorities attended the programme.

The forum objectives were to reinforce the understanding and appreciation of integrity among local authority council members who have been entrusted with the power and duty to ensure the people's welfare. Besides, as the "Most Important Local Leaders", the council members should know their roles and responsibilities from the Local Authority Department perspective, which comes with the responsibility to formulate policies and acts for the local authority development. Other than that, council members should also understand and appreciate their roles in maintaining a delivery system with integrity from the National Audit Report perspective.

The closing ceremony was graced by YB. Dato' Hj. Mohamed Taulan bin Mat Rasul, Permanent Committee for Kedah state Education, Religious Affairs, and Co-operatives chairman.



PENERBITAN BUKU “JANGAN MENGELAT: INTEGRITI DALAM JENAKA”

Penerbitan buku bercorak bacaan santai dengan konsep kartun ini merupakan usaha Institut Integriti Malaysia (IIM) susulan daripada projek penerbitan kartun-kartun yang menunjukkan isu integriti dalam masyarakat, hasil karya Cabai yang kami tempah khas 2 tahun lalu.

Matlamat penerbitan ini adalah untuk menjelaskan kepada masyarakat maksud sebenar integriti. Projek penerbitan ini telah mendapat persetujuan dan kerjasama daripada Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd. Sebelum ini belum ada penerbitan seumpamanya yang menyampaikan mesej integriti dan kaitannya dengan kualiti hidup dalam konsep sebegini.

Penerbitan ini, diharapkan dapat meneruskan usaha untuk mencetus perbincangan dalam kalangan masyarakat tentang isu integriti dalam sektor politik khasnya dan dalam masyarakat yang lain amnya.

BENGKEL PASUKAN PETUGAS INTEGRITI KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Program ini telah diadakan di Bilik Cahaya 1&2, Radius International Hotel, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 5-7 Ogos 2010. Seramai 26 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Bahagian / Unit di Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menghadiri program ini.

Bengkel ini mempunyai 8 slot ceramah yang mendedahkan dan melatih para peserta tentang konsep integriti serta bagaimana sumbangan yang mereka boleh mainkan dalam usaha memantapkan integriti dalam bahagian dan unit mereka. Setiap peserta diberikan Sijil Penyertaan yang telah disampaikan oleh Y.Bhg Dato' Mohamad Salleh Bin Rafie (Ahli IIM / Mantan KP Jabatan Penerangan).

Menerusi program ini, para peserta diharap akan menjadi “Duta Integriti” dan akan bersama-sama membantu IIM dan KDN untuk memberi penerangan kepada semua kakitangan KDN yang lain. Pihak Sekretariat Integriti KDN juga bersetuju untuk menganjurkan dua lagi siri bengkel seumpama ini dalam tahun 2010.



“JANGAN MENGELAT: INTEGRITI DALAM JENAKA” BOOK PUBLICATION

The publication of this cartoon book for leisure reading was IIM's effort following the special cartoon publication project two years ago to show integrity issues to the public, featuring the works of cartoonist Cabai.

The aim of this publication is to explain the real meaning of integrity to the public. The project received approval and co-operation from Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd. Prior to this there has never been such a publication that presents the message of integrity and its relevance to quality of life in this manner.

The publication is hoped to continue efforts to spur discussion on integrity, especially in the political sector, among members of the public.

MINISTRY OF HOME AFFAIRS INTEGRITY OFFICERS WORKSHOP

The programme was held in Bilik Cahaya 1 & 2, Radius International Hotel, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur on 5-7 August 2010. A total of 26 participants comprising of the Ministry of Home Affairs divisions and units staff attended the workshop.

The workshop with eight talk sessions exposed and trained participants on the integrity concept and how they could contribute to the effort of reinforcing integrity in their workplace. Each participant received a Certificate of Participation presented by IIM member and former Information Department director-general Y.Bhg Dato' Mohamad Salleh Bin Rafie.

Through this programme, participants were hoped to be “Integrity Ambassadors” and together, help IIM and MOHA to bring the integrity message to other MOHA staff. MOHA Integrity Secretariat had also agreed to organise two more such workshops in 2010.

PROGRAM INTEGRITI PEMIMPIN MUDA 2010

Program ini telah diadakan di Dusun Eco Resort, Bentong Pahang pada 25-27 November 2010. Seramai 41 orang peserta yang terdiri daripada Exco dan Ahli PUTERI UMNO Kawasan Parlimen Kota Bharu, Kelantan telah menghadiri program ini.

Objektif program adalah menyampaikan mesej integriti dengan kaedah pembelajaran di luar kelas dengan cara melibatkan beberapa aktiviti LDK serta “outdoor activities”. Di samping itu satu slot ceramah bertajuk “Pemimpin Muda Peneraju 1Malaysia” turut disampaikan oleh En. Mohd Nizam Mohd Ali, Pengarah Sektor Swasta, IIM. Sesi ini telah mendapat respons yang sangat baik dari peserta berdasarkan penglibatan aktif mereka dalam sesi soal jawab.

Berdasarkan borang kaji selidik yang diedarkan, majoriti peserta bersetuju bahawa integriti adalah sangat penting dalam politik. Peserta juga berpendapat bahawa integriti politik pemimpin-pemimpin negara sekarang berada di tahap yang kurang memuaskan dan mereka berharap agar program-program pembudayaan integriti dalam politik ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang. Peserta juga merasakan bahawa aktiviti berbentuk kem seperti ini lebih sesuai diadakan kerana adanya penyertaan dan penglibatan aktif peserta berbanding seminar dan ceramah yang bersifat satu hala sahaja.

YOUNG LEADERS INTEGRITY PROGRAMME 2010

The programme was held in Dusun Eco Resort, Bentong Pahang on 25-27 November 2010. A total of 41 participants from Puteri UMNO Exco and members of Kota Bharu, Kelantan parliament constituency attended the workshop.

Objective of the programme was to deliver the integrity message with out-of-classroom learning method by involving a few LDK activities as well as outdoor activities. Other than that, a talk entitled “Pemimpin Muda Peneraju 1Malaysia” was delivered by Mr Mohd Nizam Mohd Ali, IIM Private Sector director gained a good response judging from the vibrant question and answer session.

Based on the questionnaire distributed, majority of the participants agreed that integrity is highly important in politics. They also felt that the integrity of the country's political leaders is at an unsatisfactory level and they hoped that programmes to make integrity a culture in politics could be organised in the future. Participants also felt that instead of a workshop, a camp would be more suitable because they would could participate more actively than through one-way talks and seminars.





Unit Korporat dan Penyelarasan

Corporate and Coordination Unit

Sepanjang tahun 2010, Unit Korporat dan Penyelarasan memberikan tumpuan terhadap penyebaran maklumat melalui media, komunikasi korporat, pengurusan acara, penerbitan serta kunjungan hormat dari dalam dan luar negara.

PROMOSI MELALUI MEDIA MASSA

Promosi integriti melalui media massa merupakan aspek penting kearah membudayakan integriti masyarakat. Antara aktiviti publisiti dan promosi penting yang dikendalikan adalah wawancara dan program talkshow bersama media cetak dan juga media elektronik.

Pihak Pengurusan IIM serta tokoh-tokoh jemputan IIM telah mengambil bahagian dalam bicara eksklusif dengan media cetak dan juga media elektronik. IIM juga telah membincangkan pelbagai isu berkaitan dengan integriti melalui temu ramah dengan tokoh di televisyen dan radio atas undangan dan kerjasama pihak media.



Antara rancangan television dan program talkshow yang telah menyiarkan dan membincangkan isu integriti adalah termasuk RTM (Rancangan Selamat Pagi Malaysia, Isu, Dialog dan Berita), BERNAMA TV (Program Hello Malaysia), ASTRO AWANI (Awani Global, Agenda Awani, Meja Bulat dan Perspektif Kita).

Promosi bersama Radio Hot FM juga telah dilaksanakan seperti berikut:

- Promo sempena Sambutan Hari Kemerdekaan (20 saat)
- Promo sempena Sambutan Hari Integriti Nasional 2010 ("LIVE UPDATE" acara "Pertandingan Mewarna Integriti" pada 13 November 2010)



Throughout 2010, the Corporate and Coordination Unit focused on disseminating information through the media, corporate communication, events, publications and official visits from local and foreign visitors.

PROMOTION THROUGH MASS MEDIA

Promoting integrity through mass media is an important aspect towards making integrity a culture in our society. Among the key publicity and promotion activities were interviews and talkshow programmes with both print and electronic media.

The IIM management, along with other invited personalities, were featured in exclusive interviews in the print and electronic media. IIM was able to discuss a myriad of integrity related issues through the interviews on television and radio thanks to the media's invitation and support.

Among the television programmes and talkshows that had featured integrity issues were RTM's Selamat Pagi Malaysia, Isu, Dialog and News, BERNAMA TV's Hello Malaysia, ASTRO AWANI's Awani Global, Agenda Awani, Meja Bulat and Perspektif Kita.

Promotion with Hot FM radio station were held as follows:

- *Promotion in conjunction with the National Day Celebration (20 seconds)*
- *Promotion in conjunction with the National Integrity Day Celebration 2010 (Live update of the "Integrity Colouring Contest" on 13 November 2010)*

PENERBITAN SISIPAN MEDIA

IIM telah menerbitkan siri sisipan media pada tahun 2010 seperti berikut:

- PIN Pacu Kemajuan negara – sempena Hari Kemerdekaan Akhbar Utusan Malaysia, pada 30 Ogos 2010
- Institut Integriti Malaysia: komited lahirkan Bangsa Malaysia berintegriti, Akbar Utusan Malaysia, pada 5 November 2010

MEDIA INSERTIONS

IIM published a series of media insertions in 2010 as follows:

- *"PIN Pacu Kemajuan Negara" – in conjunction with National Day, Utusan Malaysia daily, on 30 August 2010*
- *"Institut Integriti Malaysia: Komited Lahirkan Bangsa Malaysia Berintegriti", Utusan Malaysia daily, on 5 November 2010*

WAWANCARA KHAS BERSAMA Y.A.B. PERDANA MENTERI MALAYSIA

Unit Korporat telah mengambil inisiatif untuk menjayakan satu wawancara khas bersama Y.A.B. Perdana Menteri yang bertemakan isu "Belia dan Integriti." Tujuan wawancara ini adalah untuk mengupas pandangan dan pendapat Y.A.B. Perdana Menteri mengenai aspirasi beliau terhadap belia sebagai pemimpin masa depan negara.

Wawancara ini telah diadakan pada hari Isnin, 15 Mac 2010 di pejabat Perdana Menteri di Bangunan Parlimen Malaysia. Wakil-wakil media yang dijemput adalah daripada akhbar Mingguan Malaysia (kumpulan Utusan), New Sunday Times, Sin Chew Daily and Malaysia Nanban were invited.

Wawancara telah diterbitkan dalam keempat-empat akhbar pada hari Ahad, 21 Mac 2010.



EXCLUSIVE INTERVIEW WITH THE HONORABLE PRIME MINISTER OF MALAYSIA

The Corporate Unit took the initiative to hold an exclusive interview with the Honorable Prime Minister on the theme "Youth and Integrity". The interview was organised to get the views and opinions of the Prime Minister on his aspirations for youths as the future leaders of the country.

The interview was held on Monday, 15 March 2010 at the Prime Minister's Office in the Parliament Building. Media representatives from Mingguan Malaysia (from Kumpulan Utusan), New Sunday Times, Sin Chew Daily and Malaysia Nanban were invited.

The interviews were published in all four news media on Sunday, 21 March 2010.

PEMBELIAN MEDIA SECARA INTEGRASI

IIM telah membuat perundingan dengan pihak Media Prima (TV3) dan juga Kumpulan Utusan untuk membuat pembelian media secara integrasi. Pembelian media kumpulan Utusan adalah merangkumi pembelian dalam media cetak (Utusan Malaysia, Kosmo, Majalah Wanita dan Utusan Online) as well as radio slots in RTM (Muzik FM, Minnal FM dan Ai FM), Print media spaces were purchased for 12 months. Pembelian ruang media cetak adalah untuk 12 bulan.

PENERBITAN VIDEO KORPORAT IIM

Unit Korporat dan Penyelaras akan menerbitkan video korporat IIM. Penerbitan video korporat ini adalah bertujuan untuk memaparkan mesej yang jelas mengenai peranan dan fungsi IIM dan sebagai "branding tool" untuk mempromosikan agenda pengukuhan Integriti kepada semua lapisan masyarakat. Video tujuh minit ini akan diterbitkan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Video Korporat IIM dijangka akan siap dalam pertengahan tahun 2011.

PELAKSANAAN AGENDA INTEGRITI OLEH INSTITUT INTEGRITI NEGERI (IIN)

Mesyuarat secara berkala diadakan setiap tahun untuk berkongsi maklumat pelaksanaan PIN bersama IIN. IIM juga banyak mengadakan aktiviti dan program anjuran bersama IIN.

INTEGRATED MEDIA PURCHASING

IIM had negotiated with Media Prima (TV3) and Kumpulan Utusan on integrated media buy. Media buy with the Utusan Group covered those in the print media (Utusan Malaysia, Kosmo, Majalah Wanita and Utusan Online) as well as radio slots in RTM (Muzik FM, Minnal FM dan Ai FM), Print media spaces were purchased for 12 months.

IIM CORPORATE VIDEO PUBLICATION

The Corporate and Coordination Unit will be producing a corporate video for IIM. The Corporate Video was aimed to present a clear message on IIM's roles and functions and as a branding tool to promote the integrity enhancement agenda to all levels of society. The seven-minute video will be made in Bahasa Melayu and English. The IIM corporate video is expected to be completed by mid next year.

PENERBITAN PSA INTEGRITI

Unit Korporat telah menyediakan PSA mesej integriti untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai integriti. PSA yang diterbitkan adalah seperti berikut:

- PSA 20 saat yang membawa mesej "Integriti: Abadikan dalam Diri" (terbitan bersama TV3).
- 2 PSA 20 saat dalam bentuk animasi yang membawa mesej integriti.

PSA Integriti: "Abadikan dalam Diri" diterbitkan bersama TV3 dan memaparkan 3 orang remaja yang membawa mesej integriti. PSA ini telah ditayangkan di saluran TV3. PSA animasi pula telah ditayangkan di papan elektronik di sekitar lembah klang.

INTEGRITY PSA PRODUCTION

The Corporate Unit created PSAs with integrity messages to raise the public's awareness on integrity. The PSAs are as follows:

- A 20-second PSA with the message "Integrity: Internalise It" (joint production with TV3).
- Two 20-second animated PSAs with an integrity message.

The PSA jointly produced with TV3 featured three youths and brought a message on integrity. It was aired on TV3. The animated PSAs were aired on the electronic screens at Ampang Park and MPSA.



FORUM INTEGRITI ALAM SEKITAR

Forum Integriti Alam Sekitar telah dianjurkan di IIM pada 25 Februari 2010. Seramai 500 orang peserta dari pelbagai sektor termasuk pelajar-pelajar sekolah menengah dan IPTA telah menghadiri Forum Alam Sekitar bertemakan "Integriti dalam Pemuliharaan Alam Sekitar".

Empat orang pembentang yang tidak asing lagi dalam isu alam sekitar telah membuat pembentangan dalam Forum tersebut.

Ir. Gurmit Singh dari Pusat bagi Alam Sekitar, Teknologi dan Pembangunan Malaysia (CETDEM) membuat pembentangan bertajuk 'To save our planet, is there any hope? : What you can do as an individual?' Dato' Seri Dr Salleh Mohd Noor; Pengarah Eksekutif TropBio Group membentangkan isu Bumi yang terancam: Apa yang akan diwariskan kepada generasi akan datang?

Cik Ratna Devi Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Association of Standards Users membentangkan kepentingan Peranan Pengguna memulihara Alam Sekitar. Encik Karam Singh Walia, Pengurus/Assignment Editor, Alam Sekitar, TV3 telah membentangkan Kesedaran Pemuliharaan Alam Sekitar: Tanggungjawab siapa?

Sementara itu Dr. Ir. Shamsudin Haji Abd Latif, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Alam Sekitar telah bertindak sebagai moderator di Forum ini. Forum ini juga telah menjemput Cik Maya Karin, Duta Alam Sekitar WWF untuk melancarkan kempen Integriti Alam Sekitar di IIM.



ENVIRONMENT INTEGRITY FORUM

The Environment Integrity Forum was held in IIM on 25 February 2010. About 500 participants from various sectors including university and secondary school students took part in the forum themed "Integrity in Environmental Conservation".



Four speakers who are no strangers in environment issues presented at the forum.

Ir. Gurmit Singh from Centre for Environment, Technology and Development Malaysia (CETDEM) presented a talk entitled "To save our planet, is there any hope? : What you can do as an individual?". Dato' Seri Dr Salleh Mohd Noor, TropBio Group chief executive spoke on "Earth in threat: What are we passing on to the next generation?"

Miss Ratna Devi, Malaysian Association of Standards Users chief executive presented on "Consumers' roles in conserving the environment" while Mr Karam Singh Walia, TV3 Environment manager and assignment editor shared on "Environment conservation awareness: Whose responsibility?"

The forum was moderated by Dr. Ir. Shamsudin Haji Abd Latif, Deputy Director General (Development), Environment Department. Ms Maya Karin, WWF Environment Ambassador was invited to launch the Environment Integrity campaign in IIM.

PERTANDINGAN MEWARNA KANAK-KANAK BERTEMAKAN INTEGRITI

Program ini bertujuan untuk mendidik anak-anak mengenai integriti dengan menggunakan elemen kreativiti. IIM berharap program ini dapat mananam nilai-nilai murni dan positif dijiwa kanak-kanak.

Lebih kurang 150 orang kanak-kanak sekolah rendah dari sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah hadir untuk turut serta dalam pertandingan mewarna bertemakan integriti yang diadakan pada hari Sabtu, 13 November 2010 di Auditorium Integriti. Pertandingan ini telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori A (7-9 tahun) dan kategori B (10-12 tahun). Murid-murid sekolah rendah SK Puchong Indah, SK Segambut, SK Datuk Harun dan SK Taman Medan telah hadir bersama-sama dengan guru-guru pengiring dan juga ibu-bapa. Acara ini juga turut disertai oleh warga IIM bersama keluarga mereka. Acara setengah hari yang bermula pada jam 8.30 pagi dimeriahkan lagi dengan kuiz integriti, ramah mesra di antara hos dan peserta-peserta pertandingan dan majlis penyampaian hadiah. Program ini juga dijayakan dengan kerjasama hos Radio Hot FM Zoomers.



LAWATAN DAN KUNJUNGAN HORMAT

Sepanjang tahun 2010, Unit Korporat dan Penyelarasian juga telah menyelaraskan kunjungan pelawat-pelawat dari dalam dan luar negara. Antara negara-negara yang telah membuat lawatan dan kunjungan hormat ke IIM adalah Thailand, Ghana, Indonesia serta peserta-peserta kursus MTCP anjuran INTAN dan juga INPUMA, Universiti Malaya. Selain daripada itu unit ini juga telah menyelaraskan lawatan daripada agensi-agensi kerajaan, NGO dan Institut-institut Pengajaran Tinggi dalam negara.

CHILDREN'S COLOURING CONTEST INTEGRITY THEMED

This programme was drawn up to educate children on integrity using creative elements. IIM hoped that this programme would instil positive and noble values in the hearts of the children.



About 150 primary school students from Kuala Lumpur and Petaling Jaya took part in the colouring contest themed Integrity held on Saturday, 13 November 2010 at Auditorium Integriti. The contest had two categories: Category A (7 to 9 years old) and Category B (10 to 12 years old). Students from SK Puchong Indah, SK Segambut, SK Datuk Harun and SK Taman Medan attended with their parents and teachers. The event which began at 8.30am was also attended by IIM staff and their families. Added to the fun were an integrity quiz, chit-chat between the host and participants and a prize giving ceremony. The programme was made possible with the support from Radio Hot FM Zoomers host.

OFFICIAL VISITS

Throughout 2010, the Corporate and Coordination Unit coordinated visits by guests from local and abroad. Among those who paid official visits to IIM were from Thailand, Ghana and Indonesia. Participants from the MTCP course organised by INTAN and INPUMA, Universiti Malaya also visited the institute. Other than that, the unit also coordinated visits from government agencies, NGOs and institutions of higher learning in the country.



Temubual Bersama Media
Interviews with the Media

Bil No	Tarikh Date	Tajuk Title	Media Media
1	7 Jan 2010	Wawancara Mengenai Pemantapan Integriti <i>Interview On Enhancing Integrity</i>	Malaysia Progress
2	9 Mac 2010	Wawancara Mengenai Integriti Alam Sekitar <i>Interview On Environment Integrity</i>	NST
3	17 Mac 2010	Wawancara Eksklusif Bersama Yab Perdana Menteri <i>Exclusive Interview With The Prime Minister</i>	Utusan Malaysia New Sunday Times Sin Chew Daily Malaysia Nanban
4	25 Mac 2010	Wawancara Berkenaan Pemantapan Integriti Dalam Kalangan Belia <i>Interview On Integrity Enhancement Among Youths</i>	ASTRO Awani
5	23 Apr 2010	Wawancara Mengenai Integriti Dan Pembenterasan Rasuah Sempena Hari Pelancaran Pelan Integriti Nasional <i>Interview On Integrity And Fighting Corruption In Conjunction With The National Integrity Plan Launch</i>	ASTRO AWANI
6	29 Apr 2010	Wawancara Mengenai Hadiah Dan Rasuah <i>Interview On Gifts And Bribery</i>	New Straits Times
7	30 Apr 2010	Wawancara Selamat Pagi Malaysia Mengenai Pemantapan Integriti Belia <i>Interview In Selamat Pagi Malaysia On Enhancing Integrity Among Youths</i>	RTM
8	20 May 2010	Wawancara Mengenai Pemantapan Integriti Dan Rasuah <i>Interview On Integrity Enhancement And Corruption</i>	The Star
9	4 Jun 2010	Wawancara Mengenai Misi NKRA Dan Pemantapan Integriti Untuk Buletin RTM 1 <i>Interview On NKRA Mission And Integrity Enhancement For Buletin RTM1</i>	RTM
10	26 Aug 2010	Wawancara Mengenai Integriti dan Kemerdekaan <i>Interview on Independence and Integrity</i>	Utusan Malaysia
11	27 Aug 2010	Wawancara Mengenai Integriti dan Kemerdekaan <i>Interview on Independence and Integrity</i>	ASTRO AWANI
12	1 Oct 2010	Wawancara Meja Bulat Mengenai Membina Ekosistem Anti Rasuah <i>Roundtable Interview on Building an Anti-Corruption Ecosystem</i>	ASTRO AWANI
13	4 Nov 2010	Wawancara Sempena Sambutan Hari Integriti Nasional <i>Interview In Conjunction With National Integrity Day Celebration</i>	Utusan Malaysia dan Kosmo
14	12 Nov 2010	Wawancara Untuk Program Bual Bicara Mengenai Pemantapan Integriti, NKRA, Perkhidmatan Awam Dan Pembentaran Rasuah <i>Interview In Bual Bicara On Integrity Enhancement, NKRA, Public Service, Corruption And Bribery Eradication</i>	BERNAMA RADIO 24

 Lawatan dan Kunjungan Hormat
Visits

Bil No	Tarikh Date	Organisasi Organisation	Peserta Participants
1	8 Jan 2010	YPM Insurance Brokers <i>YPM Insurance Brokers</i>	19
2	14 Jan 2010	Thailand Innovative Administration Consultancy Institute (TIA) <i>Thailand Innovative Administration Consultancy Institute (TIA)</i>	12
3	9 Mac 2010	Fakulti Al Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia <i>Al Quran and Sunnah Faculty, Universiti Sains Islam Malaysia</i>	40
4	15 Mac 2010	Fakulti Perakaunan, UITM Perak <i>Accountancy Faculty, UITM Perak</i>	55
5	12 Apr 2010	Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur UiTM Shah Alam <i>Faculty Of Architecture, Planning And Surveying, UiTM Shah Alam</i>	62
6	8 April 2010	Unisel Accounting Club <i>Unisel Accounting Club</i>	80
7	20 Apr 2010	Lawatan Pelajar Komunikasi Korporat UPM <i>Corporate Communication Students from UPM</i>	30
8	14 May 2010	Universiti Sumatera Utara <i>Universiti Sumatera Utara</i>	30
9	18 Jun 2010	Peserta Kursus Antarabangsa Pengurusan Strategik Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) Anjuran Intan <i>Participants Of Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) International Strategic Management Course Organised By Intan</i>	18
10	23 Jul 2010	Lawatan dari Staf, Unit Pentadbiran, USM Penang <i>Staff Of Administration Unit, USM Penang</i>	30
11	23 Jul 2010	Lawatan Staf Pentadbiran IIN Negeri Trengganu <i>Administrative Staff Of IIN Terengganu</i>	25
12	30 Jul 2010	Lawatan CHRAJ dari Ghana-SPRM <i>CHRAJ From Ghana - SPRM</i>	4
13	13 Aug 2010	Lawatan dari King Prajadhipok's Institute, Bangkok, Thailand <i>King Prajadhipok's Institute, Bangkok, Thailand</i>	4
14	27 Sep 2010	Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur UiTM Shah Alam <i>Faculty Of Architecture, Planning and Surveying, UiTM Shah Alam</i>	52
15	19 Nov 2010	Lawatan dari Institut Antarabangsa Polisi dan Pengurusan (INPUMA), Universiti Malaya <i>International Institute Of Public Policy and Management (INPUMA), Universiti Malaya</i>	20
JUMLAH / TOTAL			481



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Management Services Division

Mesyuarat Pengurusan IIM

Mesyuarat pengurusan IIM diadakan setiap minggu pada hari Rabu dan dipengerusikan oleh Y.Bhg Datuk Dr. Mohd Tap Salleh selaku Presiden IIM. Mesyuarat pengurusan ini sangat penting bagi memastikan semua perancangan dan aktiviti IIM sepanjang tahun dilaksanakan dengan teratur. Pada tahun 2010 sebanyak 49 mesyuarat pengurusan telah diadakan.

Pusat Sumber Bestari

Bestari Resource Center

Dalam usaha untuk menjadikan Pusat Sumber Bestri (PSB) sebagai gedung menyimpan dan menjaga pengetahuan korporat IIM, PSB juga berusaha untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan maklumat integriti dan pembentukan nilai-nilai murni individu, dan syarikat, iaitu selaras dengan fungsi IIM untuk membudayakan integriti dalam masyarakat Malaysia

PSB menyediakan perkhidmatan perpustakaan sebagai khidmat sokongan kepada program penyelidikan, pendidikan dan latihan yang dilakukan oleh semua sektor di IIM dan menjadi pusat repositori dalam menyimpan, mengurus dan menyebarkan maklumat integriti secara atas talian. Secara khusus perkhidmatan PSB disediakan untuk kegunaan kakitangan dan penyelidik IIM. Namun demikian, perkhidmatan rujukan dipanjangkan kepada orang awam, kakitangan kementerian dan agensi kerajaan Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan, misi diplomatik asing, sektor swasta, para wartawan, institusi penyelidikan tempatan dan luar negeri, pelajar pusat pengajian tinggi dan pelajar sekolah.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

- Perkhidmatan Rujukan
- Carian Maklumat Atas Talian
- Perkhidmatan Pinjaman
- Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (SPP)
- Perkhidmatan Fotokopi
- Perkhidmatan Kesedaran Semasa
- Bibliografi dan Senarai Rujukan
- Reference Service
- Online Information Search
- Loan Service
- Inter-library Loan Service (SPP)
- Photocopy Service
- Current Awareness Service
- Bibliography and Reference List

IIM Management Meeting

The IIM management meeting is held every week on a Wednesday and is chaired by Y.Bhg Datuk Dr. Mohd Tap Salleh, the President of IIM. These management meetings are important to ensure that all IIM planning and activities are conducted in an orderly manner. In 2010, a total of 49 management meetings were held.

Koleksi PSB terdiri dari dokumen IIM, buku, bahan bacaan bersiri, jurnal dan bulletin, laporan tahunan, laporan penyelidikan, kertaskerja, direktori, statistik, CD-ROMs dan bahan e-dokumen yang berkenaan. Kategori subjek ialah integriti, etika dan adab, etika perniagaan, tadbir urus syarikat, tadbir urus awam, tanggung-jawab sosial, nilai-nilai murni, rasuah dan anti rasuah.

PSB Collection comprises IIM documents, serial publications, journals and bulletins, annual reports, research reports, work papers, directories, statistics, CD-ROMs and e-documents. Categories of subjects are integrity, ethics and civility [adab], business ethics, company management, public management [tadbir urus awam], social responsibility, noble values and anti-corruption.

Koleksi / Tahun Collection/ Year	2008	2009	2010
Buku(monograf) Book (monograph)	4806	5886	7567
Pamflet Pamphlet	140	199	213
Fiksyen Arab dan Tauladan Civility and Exemplary Fiction	125	125	144
Pangkalan Data Atas Talian Online Database	4	4	4
Kajian / Tesis Research / Thesis	1	1	3
Koleksi Khas - IIM Special Collection – IIM	65	80	98
Audio Visual Audio Visual			245
Judul Terbitan berkala Periodical title			45
E-dokumen : Keratan Akhbar Artikal dari Jurnal dan buku Foto			760
E-document : Newspaper clipping Article from journal and book Photo			
JUMLAH / TOTAL	5241	6295	8319

Among the services available are:

Unit Sumber Manusia Human Resource Unit

PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2010, bilangan pengisian bagi semua kumpulan perkhidmatan di Institut Integriti Malaysia adalah sebanyak 67 (83 peratus) berbanding bilangan perjawatan iaitu sebanyak 81. Jumlah ini meliputi 10 (27 peratus) jawatan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 4 (1 peratus) jawatan dari Kumpulan Sokongan.

LATIHAN

Latihan pegawai memainkan peranan yang penting dalam memastikan tahap prestasi pegawai dan keberkesaan organisasi serta mengekalkan pertumbuhan organisasi menghadapi perubahan semasa. Dalam usaha itu, program **Retreat Bina Insan** telah diadakan pada 17 hingga 19 Disember 2010 bertempat di Felda Residence Tekam, Jerantut, Pahang. Program ini telah melibatkan penyertaan hampir keseluruhan pegawai di Institut Integriti Malaysia (IIM) iaitu seramai 66 orang.

Program ini bertujuan untuk memperkuuhkan dan mempertingkatkan kerja berpasukan bagi bersama-sama memastikan pencapaian objektif IIM dengan lebih berkesan. Ini kerana pengukuran kerja berpasukan serta semangat kekeluargaan dalam IIM yang tinggi akan dapat mengharmoni matlamat pegawai dengan matlamat IIM.

Antara objektif program ini adalah:-

- Meningkatkan nilai etika kerja yang baik selaras dengan matlamat IIM.
- Mengenali kekuatan dan kelemahan diri dalam konteks kerja berpasukan.
- Meningkat kesedaran tentang kepentingan sikap positif dan perhubungan baik serta bekerjasama dalam menjalankan tugas harian bagi mencapai objektif IIM.
- Menyerapkan semangat berpasukan, setia kawan dan kekeluargaan dalam IIM.
- Memberi kesedaran mengenai keperluan mengharmonikan matlamat pegawai dengan ekspektasi dan matlamat IIM.
- Memperbaiki sikap, amalan, dan mempertingkatkan disiplin serta dedikasi diri ke arah bekerja dengan cemerlang sebagai satu pasukan serta menyediakan lebih banyak peluang kepada kakitangan dalam pencapaian hasrat kendiri dan profesional.

PERSONNEL

As of 31 December 2010, the number of staff for all service teams of the Malaysian Institute of Integrity amounts to 67 (83 percent) compared to the number of positions available, which is 81. This total covers the 10 (27 percent) positions available in the Professional and Management Team and 4 (1 percent) from the Support Team.

TRAINING

Personnel-training plays an important role in determining the employee's performance level and the organisation's effectiveness, as well as sustaining the growth of the organisation in the face of current changes. In conjunction with this, a **Human Development Retreat** was held from 17 to 19 December 2010 in the Felda Residence Tekam, Jerantut, Pahang. The programme garnered the involvement of 66 participants, almost all the personnel of the Malaysian Integrity Institute.

The purpose of the retreat was to fortify and increase team work to collaboratively meet IIM's objectives effectively. This is because the strengthening of teamwork and a high family-spirit in IIM will harmonize the goals of the personnel and the goals of IIM.

Among the objectives of this programme are:

- Increase good work ethics in line with IIM's goals.
- Identify strengths and weaknesses in the context of teamwork
- Raise awareness on the importance of adopting a positive attitude and good communication as well as working together while executing our daily tasks to meet IIM's objective.
- Absorbing the spirit of teamwork, camaraderie and family in the IIM.
- To create awareness of the need to harmonize the objectives and goals of employees with the expectations of IIM.
- To correct attitudes, practices, and improve discipline and self-dedication towards excelling as a team



Kemudahan di Institut Integriti Malaysia Facilities at the Malaysian Institute of Integrity

Selain daripada menjalankan pelbagai aktiviti dan program berkaitan integriti, IIM juga menawarkan beberapa kemudahan untuk sewaan oleh agensi luar. Antaranya auditorium, bilik-bilik kuliah dan seminar serta asrama untuk penginapan yang cukup selesa.

Para penyewa juga boleh menikmati pelbagai kemudahan yang tersedia di sini antaranya gelanggang tenis, meja ping-pong, sebuah mini gimnasium, perpustakaan, surau dan kafeteria. Suasana kehijauan disekeliling kawasan IIM mampu memberi ketenangan dan kedamaian kepada penghuninya. Malah tempat letak kereta yang luas dan selamat turut tersedia.



ARAS 2 : AUDITORIUM INTEGRITI
Teater : 550 pax Seminar : 240 pax
Bankuet : 400 pax



ARAS BAWAH : DEWAN MURNI
Teater : 250 pax Seminar : 110 pax
Bankuet : 200 pax



ARAS 2 : BILIK ETIKA
Teater : 150 pax Seminar : 60 pax
Bankuet : 110 pax



ARAS 2 : BILIK BIJAKSANA
Teater : 90 pax Seminar : 40 pax
Bankuet : 80 pax



ARAS 14 : BILIK SEMINAR 1 & 2
Teater : 60 pax Seminar : 25 pax
Bankuet : 50 pax



ARAS 2 : BILIK AMANAH
Teater : 20 pax Seminar : 12 pax
Bankuet : 30 pax



ARAS 6 : BILIK JUJUR
Teater : 70 pax Seminar : 30 pax
Bankuet : 60 pax



ARAS 6 : BILIK BINCANG A & B
Bilik perbincangan dan mesyuarat
15 pax



ARAS 10, 11, 12 & 13 : HOSTEL/ BILIK ASRAMA
40 bilik (2 katil sebilik)
Berhawa dingin
Dengan televisyen, telefon & mini bar

KEMUDAHAN - KEMUDAHAN LAIN / OTHER FACILITIES



Pusat Sumber Bestari
Bestari Resource Center



Ping Pong
Ping Pong



Surau
Prayer Room



Gimnasium
Gymnasium



Gelanggang Tenis
Tennis Courts



Pondok Rehat
Gazebo



Kafeteria
Cafeteria



Laporan Dan Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2010

Isi Kandungan	Muka surat
Maklumat Korporat	98
Laporan Pengarah	99
Penyata Lembaga Pengarah	102
Pengisytiharan Berkanun	103
Laporan Juruaudit	104
Penyata Pendapatan	106
Lembaran Imbangan	107
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	108
Penyata Aliran Tunai	109
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	110



Laporan dan Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2010

Institut Integriti Malaysia
No. Syarikat : 644452-P
(Syarikat Berhad Berasaskan Jaminan)
(Diperbadankan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pengarah	:	Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Tommy bin Bugo @ Hamid Bugo Tan Sri Zarinah Sameehah binti Anwar Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim Dr. Chandra Muzaffar Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady Tan Sri Abdul Gani bin Patail Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang Dato' Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed Datuk Dr. Md Tap bin Salleh Dato' Mohamad Zabidi bin Zainal
Setiausaha	:	Norliana binti Ali Akbar
Alamat Berdaftar dan Alamat Perniagaan	:	Menara Integriti Persiaran Duta Off Jalan Duta 50480 Kuala Lumpur
Juruaudit	:	Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AF: 1300) 2, Jalan Rampai Niaga 2 Rampai Business Park 53300 Kuala Lumpur
Bank Utama	:	Bank Islam Malaysia Berhad

LAPORAN PENGARAH

Lembaga Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Institut yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Institut adalah meningkatkan usaha dalam mempromosi integriti, moral dan etika di kalangan rakyat Malaysia selaras dengan harapan, inspirasi dan objektif Pelan Integriti Nasional.

Tiada perubahan ketara berlaku dalam aktiviti utama Institut dalam tahun kewangan semasa.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Lebihan dana bagi tahun kewangan	<u>551,894</u>

DIVIDEN

Tiada sebarang dividen dicadang, diisyihar atau dibayar oleh Institut semenjak dari tahun kewangan yang lepas.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan semasa adalah dinyatakan dalam penyata kewangan.

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah yang berkhidmat semenjak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini ialah:-

Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan
Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Tommy bin Bugo @ Hamid Bugo
Tan Sri Zarinah Sameehah binti Anwar
Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim
Dr. Chandra Muzaffar
Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady
Tan Sri Abdul Gani bin Patail
Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang
Dato' Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed
Datuk Dr. Md Tap bin Salleh
Dato' Mohamad Zabidi bin Zainal
Datuk Normah binti Md Yusof

(Dilantik pada 29.6.2010)
(Meletak jawatan pada 29.6.2010)





Laporan dan Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2010

Institut Integriti Malaysia
 No. Syarikat : 644452-P
 [Syarikat Berhad Berasaskan Jaminan]
 [Diperbadankan di Malaysia]

KEPENTINGAN PENGARAH

Menurut daftar yang perlu disimpan di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, tiada Pengarah yang memegang sebarang saham di dalam Institut pada akhir tahun kewangan.

MANFAAT PENGARAH

Semasa dan pada akhir tahun kewangan, tidak terdapat sebarang perjanjian yang membabitkan Institut dengan perkara yang membolehkan Pengarah Institut memperoleh faedah dengan cara memiliki saham-saham atau debentur di dalam Institut atau dalam badan-badan korporat yang lain.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada Pengarah yang menerima atau yang layak untuk menerima sebarang faedah (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat ganjaran yang diterima atau yang akan diterima oleh Pengarah seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji tetap yang diterima oleh pekerja sepenuh masa Institut) berdasarkan kontrak yang dibuat oleh Institut atau Syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan sebuah firma di mana Pengarah berkenaan merupakan ahli atau dengan sebuah syarikat lain di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang perlu dinyatakan menurut Seksyen 169(8) Akta Syarikat, 1965.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan bagi Institut disediakan, Lembaga Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya: -

- (a) untuk memastikan tindakan yang sewajurnya telah diambil berhubung dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat elaun bagi hutang rugu dan berpuashati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskirakan dan elaun yang mencukupi telah dibuat elaun hutang rugu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang dijangka tidak boleh menghasilkan nilai seperti yang tercatat di dalam rekod perakaunan Institut secara urus niaga biasa, telah pun diturunkan nilainya ke paras yang dijangka dapat diperoleh.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:-

- (a) yang akan mengakibatkan jumlah yang dihapuskira bagi hutang lapuk atau jumlah bagi elaun hutang rugu di dalam penyata kewangan atau Institut tidak mencukupi pada sebarang kadar yang ketara; atau
- (b) yang akan mengakibatkan nilai aset semasa yang ditunjukkan dalam penyata kewangan Institut mengelirukan; dan
- (c) yang akan mengakibatkan kaedah penilaian aset dan liabiliti yang digunakan oleh Institut mengelirukan atau tidak sesuai.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

Tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, di mana pada pendapat Lembaga Pengarah, akan atau mungkin menjaskan keupayaan Institut untuk memenuhi kewajipan bila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat :-

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Institut yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luarjangka bagi Institut yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Institut yang akan mengakibatkan sebarang amaun yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat Lembaga Pengarah :-

- (a) keputusan operasi Institut pada tempoh kewangan tidak terjejas secara ketara oleh sebarang urusniaga atau kejadian yang luarbiasa; dan
- (b) tiada perkara, urusniaga atau hal yang penting dan luar biasa yang telah timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin akan menjaskan dengan ketara keputusan operasi Institut bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

JURUAUDIT

Juruaudit, **AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR** telah menyatakan kesanggupan untuk menerima pelantikan semula sebagai juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah berdasarkan Resolusi Pengarah,

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
 Pengarah

DATUK DR. MD TAP BIN SALLEH
 Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: 11 April 2011



Laporan dan Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2010

Institut Integriti Malaysia
No. Syarikat : 644452-P
(Syarikat Berhad Berasaskan Jaminan)
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA LEMBAGA PENGARAH MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT, 1965

Bahawa kami, **TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN** dan **DATUK DR. MD TAP BIN SALLEH**, dua daripada Lembaga Pengarah **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang disertakan telah disediakan dengan seujarnya mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, untuk memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan urusan Institut pada 31 Disember 2010 dan keputusan operasi dan aliran tunai Institut bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah berdasarkan Resolusi Pengarah,

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
Pengarah

DATUK DR. MD TAP BIN SALLEH
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: 11 April 2011

PENGISYTIHARAN BERKANUN MENGIKUT SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT, 1965

Bahawa saya, **NORLIANA BINTI ALI AKBAR**, pegawai yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya menyatakan bahawa penyata kewangan yang disertakan, pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengisytiharan ini dengan kepercayaan sesungguhnya perkara ini adalah benar dan menurut peruntukan Akta Sumpah, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh }
NORLIANA BINTI ALI AKBAR }
di Kuala Lumpur dalam Wilayah }
Persekutuan pada **11 April 2011** }

NORLIANA BINTI ALI AKBAR

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

Kuala Lumpur, Malaysia

Lot 1.08, Tingkat 1,
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel: 019-6680745





Laporan dan Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2010

Institut Integriti Malaysia
 No. Syarikat : 644452-P
 [Syarikat Berhad Berasaskan Jaminan]
 [Diperbadankan di Malaysia]

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Laporan mengenai penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA** yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2010, serta penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi akhir tahun kewangan tersebut, juga ringkasan dasar perakaunan yang penting serta nota-nota penjelasan yang lain, seperti yang dikemukakan di muka surat 106 hingga 119.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah Institut bertanggungjawab terhadap penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan yang bebas dari salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan ataupun kesilapan; memilih dan menggunakan pakai dasar perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengaudit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan audit bagi memperoleh jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit tentang amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih adalah bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata penting penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan ataupun kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan Institut agar dapat merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Institut. Audit juga melibatkan penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan serta kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, di samping menilai pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat audit kami.

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (SAMB.)

Pendapat

Pada pendapat kami penyata kewangan telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 agar memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada 31 Disember 2010 dan berkenaan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi akhir tahun kewangan tersebut.

Laporan Mengenai Keperluan Perundungan Dan Kawal Selia Yang Lain

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami turut melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar yang dikehendaki oleh Akta telah disimpan dengan sempurna oleh Institut menurut peruntukan Akta tersebut.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli-ahli Institut, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak memikul tanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR
 AF : 1300
 Akauntan Bertauliah (Malaysia)



MOHD AFRIZAN BIN HUSAIN
 1805/11/12 (J/PH)
 Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh : **11 April 2011**



Laporan dan Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2010

Institut Integriti Malaysia
 No. Syarikat : 644452-P
 [Syarikat Berhad Berasaskan Jaminan]
 [Diperbadankan di Malaysia]



Institut Integriti Malaysia
 Malaysian Institute of Integrity

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Nota	2010 RM	2009 RM
Hasil	3	141,618	180,491
Kos perkhidmatan		(804,258)	(441,562)
Kurangan dana kasar	4	(662,640)	(261,071)
Lain-lain hasil		9,033,099	8,549,228
		8,370,459	8,288,157
Kos operasi			
Yuran profesional		424,108	383,145
Kos kakitangan		3,938,606	3,705,563
Belanja am dan pengurusan		3,169,141	3,255,486
Belanja pemasaran		379,710	497,322
Jumlah kos operasi		7,911,565	7,841,516
Lebihan dana sebelum cukai	5	458,894	446,641
Cukai	6	93,000	(93,000)
Lebihan dana bagi tahun kewangan		551,894	353,641

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2010

	Nota	2010 RM	2009 RM
Aset bukan semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	7	1,583,628	1,323,770
Aset semasa			
Penghutang dan deposit	8	156,203	84,412
Pelaburan tetap		13,000,000	12,500,000
Tunai di bank dan di tangan		1,805,069	522,768
		14,961,272	13,107,180
Liabiliti semasa			
Pembiayaan dan akruan	9	250,241	309,613
Cukai		-	93,000
		250,241	402,613
Aset semasa bersih			
		14,711,031	12,704,567
		16,294,659	14,028,337
Diwakili oleh:			
Rizab terkumpul		3,383,861	2,831,967
Liabiliti bukan semasa			
Geran	10	12,783,222	11,196,370
Sewa beli komputer	12	127,576	-
		16,294,659	14,028,337

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini



Laporan dan Penyata Kewangan
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2010

Institut Integriti Malaysia
No. Syarikat : 644452-P
(Syarikat Berhad Berasaskan Jaminan)
(Diperbadankan di Malaysia)



Institut Integriti Malaysia
Malaysian Institute of Integrity

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

	Rizab RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	2,478,326	2,478,326
Lebihan dana bagi tahun kewangan	353,641	353,641
Pada 31 Disember 2009	2,831,967	2,831,967
Pada 1 Januari 2010	2,831,967	2,831,967
Lebihan dana bagi tahun kewangan	551,894	551,894
Pada 31 Disember 2010	3,383,861	3,383,861

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

	Nota	2010 RM	2009 RM
Aliran tunai dari aktiviti operasi			
Lebihan dana sebelum cukai		458,894	446,641
Pelarasian bagi :			
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		488,248	486,677
Kerugian daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		-	5,903
Kerugian pertukaran wang asing		-	1,987
Keuntungan pelaburan tetap		(273,016)	(221,648)
Pelunasan geran		(8,715,823)	(8,283,078)
Keuntungan daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		(34,728)	-
Harta tanah, loji dan peralatan dihapuskira		11,442	-
Kurangan kendalian sebelum perubahan modal kerja		(8,064,983)	(7,563,518)
Perubahan dalam modal kerja :			
Penghutang dan deposit		(71,791)	12,043
Pembiayaan dan akruan		(132,272)	57,852
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti operasi		(8,269,046)	(7,493,623)
Aliran tunai dari aktiviti pelaburan			
Hasil dari pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		34,740	50
Keuntungan pelaburan tetap		273,016	221,648
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		(540,860)	(673,738)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan		(233,104)	(452,040)
Aliran tunai dari aktiviti pembiayaan			
Penerimaan geran		10,302,675	9,558,500
Pembayaran pembiayaan sewa beli		(18,224)	-
Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti pembiayaan		10,284,451	9,558,500
Pertambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai		1,782,301	1,612,837
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan		13,022,768	11,409,931
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	11	14,805,069	13,022,768

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

1. MAKLUMAT AM

Institut Integriti Malaysia ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berhad berdasarkan jaminan yang diperbadankan di Malaysia.

Aktiviti utama Institut adalah meningkatkan usaha dalam mempromosi integriti, moral dan etika di kalangan rakyat Malaysia selaras dengan harapan, inspirasi dan objektif Pelan Integriti Nasional.

Alamat berdaftar dan alamat perniagaan Institut terletak di Menara Integriti, Persiaran Duta, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Institut disediakan dan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

(b) Hartanah, loji dan peralatan serta susutnilai

(i) Harta-harta pemilikan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan atau kerugian pengurangan nilai.

(ii) Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan adalah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos hartanah, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaannya seperti berikut :-

Buku-buku rujukan	10%
Ubahsuai bangunan	10%
Kenderaan	20%
Perabot dan lengkap	20%
Peralatan pejabat	20%
Komputer	33.3%
Papan tanda	10%
Alatan sukan	20%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

(c) Pengurangan nilai aset

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada tarikh lembaran imbangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda pengurangan nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset berkenaan dianggarkan. Amaun yang boleh diperoleh semula merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka didiskaukan. Amaun yang boleh diperoleh semula dijangka untuk aset individu atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

Kerugian pengurangan nilai dicajkan terus kepada Penyata Pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset yang diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian pengurangan nilai terdahulu dan diiktirafkan setakat amaun aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian pengurangan nilai diiktirafkan sebelum itu. Kebalikan ini diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

(d) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapus kira pada tempoh ia dikenal pasti. Anggaran atas hutang rugu telah dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan.

(e) Pemiutang

